

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

122 anak yatim ABDB terima sumbangan derma

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

RIMBA, Jumaat, 29 Mac. - Dalam mengambil berat tentang kebajikan serta keprihatinan terhadap golongan anak-anak yatim, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Sentuhan Kasih Ramadan.

Seramai 122 anak yatim daripada 66 keluarga anggota ABDB yang telah kembali ke rahmatullah menerima sumbangan pada majlis yang berlangsung di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini.

Hadir menyampaikan sumbangan berkenaan, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini yang juga Yang Di-Pertua Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI).

Turut hadir ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB bersama isteri-isteri, pegawai-pegawai kanan ABDB serta keluarga dan penjaga anak-anak yatim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil diikuti dengan bacaan Doa Arwah yang dikepalai oleh Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

>> Muka 16

BERPEGANG KEPADA AL-QURAN, DUNIA AMAN SEJAHTERA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2).

Pengurniaan memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah

berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada seramai 18,010 penerima di seluruh negara dari golongan-golongan tertentu terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima bantuan kebajikan bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

>> Muka 7

Muslimah masjid diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran

■ Berita : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

KULAPIS, Jumaat, 29 Mac. - Nikmat berbagi kepada golongan yang amat memerlukan terutama sekali kepada anak-anak yatim di bulan puasa ini antara amal kebajikan yang digalakkan demi mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda.

Justeru itu, seramai sembilan anak yatim menerima derma pada Majlis Khatam

Al-Quran bagi Muslimah Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis hari ini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim di Kampung Kulapis di sini, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara.

>> Muka 15



Berita Utama




KONGSI kegembiraan bersama pelajar Pusat Ehsan

Muka 15



BEKALKAN belia dengan ilmu pengetahuan secara informal

Muka 17



WASPADA dengan cuaca panas, kering

Muka 24



BERSEDEKAH di bulan Ramadan raih 'bonus khas'

Muka 28

Berpegang kepada Al-Quran, dunia aman sejahtera

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 27 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah berhasrat agar semua anak Brunei adalah pandai membaca Al-Quran dengan bertajwid.

Maka oleh itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khidmat guru-guru adalah diperlukan untuk 'melutani' pengajaran Al-Quran, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah yang belum berapa lancar membaca Al-Quran, di samping tidak mengabaikan juga pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Menyentuh mengenai tema Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini ialah 'Al-Quran Pedomanku', baginda bertitah, tema ini sangatlah signifikan. Seterusnya baginda juga bertitah, apatah lagi pada masa dunia sedang menghadapi pelbagai pancaroba yang sangat mencabar. Dengan situasi ini, titah baginda, memang wajar kita menjadikan Al-Quran

sebagai sumber utama rujukan dan pedoman dalam kehidupan ini.

"Al-Quran tidak diragukan lagi adalah kitab suci dan istimewa. Di dalamnya terdapat panduan yang lengkap lagi sempurna. Al-Quran mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia mahupun dengan Allah Ta'ala," titah baginda.

Baginda yakin jika, semua orang tunduk dan berpegang kepada Al-Quran, nescaya dunia ini akan aman sejahtera. Kerana itu, titah baginda, Brunei Darussalam mesti komited dengan Al-Quran, memperkukuh pembacaan Al-Quran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan mesti menguatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, sentiasa memantau perkembangan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah hingga ke peringkat tinggi.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengambil maklum bahawa KHEU melalui Jabatan Pengajian Islam telah

melaksanakan Program Tahsin Qira'atil Qur'an yang mula diperkenalkan pada tahun 2021. Titah baginda, ini adalah rancangan yang bagus untuk meningkatkan kemahiran para guru agama dalam pembacaan Al-Quran.

"Beta percaya, pelaksanaan rancangan ini mampu untuk menghasilkan guru-guru agama yang berkualiti dalam pembacaan Al-Quran," tegas baginda semasa mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Selain itu, Kebawah DYMM turut bertitah mengambil maklum, mengenai Program Tadabbur Al-Quran yang diunggulkan oleh beberapa pihak, khususnya agensi-agensi di bawah KHEU dan lain-lain institusi pendidikan di negara ini.

"Dengan wujudnya pelbagai inisiatif murni seperti ini, kita di Brunei tidak hanya akan fasih membaca Al-Quran, bahkan juga akan dapat memahami maksud Al-Quran. Inilah hasil 'tadabbur' yang diharapkan.

"Alhamdulillah, beta juga sangat bersyukur, manakala mengetahui bahawa bukan sahaja pihak kerajaan, malah juga pihak swasta, agensi-agensi tempatan dan para belia masing-masing mempamerkan kesungguhan, turut sama-sama berkecimpung



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

menghayati Al-Quran, melalui pusat-pusat pengajian, termasuk kelas-kelas menghalusi bacaan," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, kelas-kelas ini sangatlah mustahak, yang juga berkait rapat dengan pengukuhan amalan beragama. Baginda bertitah melahirkan harapan agar pihak-pihak berkenaan akan terus menyokong usaha-usaha berkecimpung ini, di samping dalam masa yang sama memantau kelas-kelas berkenaan supaya

tidak terpesong atau tersasar dari landasan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafi'e.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM mengajak semua kita, untuk sama-sama memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya ibadat puasa serta apa jua amalan yang berkecimpung yang kita lakukan di bulan Ramadan yang penuh rahmat ni akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	SABTU	19	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39
31	AHAD	20	4.52	5.02	6.20	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
1 April	ISNIN	21	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
2	SELASA	22	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	RABU	23	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	KHAMIS	24	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	JUMAAT	25	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C HAZE	34 25 °C 	34 25 °C 	
Pekan Bangar			
34 26 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 	
Pekan Tutong			
33 26 °C 	33 25 °C 	33 25 °C 	
Kuala Belait			
33 26 °C 	33 25 °C 	33 25 °C 	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

30 MAC 2024

Al-Quran penyembuh bagi penyakit batin

RAMADAN adalah bulan yang istimewa kerana ganjaran pahala melakukan amal ibadat pada bulan ini akan dilipatgandakan. Bulan Ramadan menjadi lebih istimewa kerana di dalamnya telah berlaku salah satu peristiwa yang paling bersejarah dalam kalangan umat Islam, iaitu turunnya Al-Quran kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa ini dikenali sebagai 'Nuzul Al-Quran' yang telah berlaku pada 17 Ramadan. Penurunan ini berlaku dengan tujuan untuk membuktikan ketinggian Allah Subhanahu Wata'ala. Al-Quran merupakan salah satu mukjizat agung yang diberikan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam selama 23 tahun, iaitu 13 tahun diturunkan di Mekah dan 10 tahun di Madinah.

Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita untuk memelihara, menjaga dan mempertahankan kesucian dan kebenarannya hingga ke akhir zaman.

Al-Quran adalah senjata yang paling mujarab yang melimpah ruah, di dalamnya penuh dengan Nur hidayah, rahmat dan zikir. Membacanya juga merupakan satu ibadat serta melaksanakan hukum di dalamnya adalah satu kefarduan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 57 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Maka beruntunglah orang yang membaca Al-Quran itu dan menjadikannya sebagai amalan harian, tidak kira di bulan Ramadan ataupun pada hari-hari biasa. Adalah lebih baik jika ayat-ayat Al-Quran itu difahami, untuk diambil pengajaran daripada kandungan dan ajarannya. Pada masa ini, kemudahan untuk memahami kandungan Al-Quran itu selain melalui berguru ialah juga dengan membaca kitab-kitab atau buku-buku tafsir yang mudah didapati, bahkan melalui aplikasi telefon bimbit dan juga internet melalui laman sesawang yang dipercayai.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi, mengingatkan agar jangan sesekali lupa bahawa Al-Quran adalah penunjuk jalan yang paling lurus untuk diikuti, dan bahkan sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji
Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 27 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam sembah alu-aluannya berkata bahawa tema sambutan tahun ini iaitu 'Al-Quran Pedomanku', jelas maksudnya memperakukan

bahawa Al-Quran selain menjadi bacaan sebagai kitab suci ialah untuk juga menjadi pedoman.

"Kerana itu Al-Quran perlu dipelajari. Dari membacanya dengan lancar yang sebahagian ayat-ayat dari sebahagian surah-surahnya atau kesemuanya genap 30 Juzuk jika mampu dihafal maka hafalkanlah. Kesemua itu sudah boleh mendapatkan pahala. Namun yang utama ialah mengetahui makna dan memahami ayat-ayatnya untuk memetik pengajaran daripadanya.

"Dengan cara dan jalan itulah akan tercapai maksud

berpedomankan Al-Quran yang memang dimaksudkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai 'hudaa' yakni petunjuk-petunjuk yang disebut sebagai hidayat bagi hamba-hambanya yang berstatus al-Muttaqin teguh beriman sehingga dengan berpedomankan Al-Quran itu mereka mendapat pengajaran yang dijadikan pegangan melaksanakan perintah-perintah Allah dan menghindari daripada larangan atau tegahan-tegahan Allah," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 4



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah semasa sembah alu-aluan pada majlis tersebut.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas kanan dan kanan). Sementara gambar kanan sekali, persembahan Pemenang Terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (kiri). Sementara gambar bawah, Yang Berhormat Mufti Kerajaan semasa membaca doa.



bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah," terang Yang Berhormat menyembahkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Kemudian majlis diteruskan dengan pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Majlis diserikan dengan Persembahan Pemenang Terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah. Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada para peserta.

>> Muka 5

>> Muka 3

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa di negara ini, Al-Quran itu dipelajari dan diajarkan secara

tradisi dalam masyarakat sampailah secara pembelajaran formal menerusi persekolahan. Diikuti juga dengan pengajian menghafalnya sampai ke peringkat diploma tertinggi.

Sementara untuk menyebarkan pengetahuan dan pemahaman isi kandungan ayat-ayat Al-Quran disebarkan bahawa usaha - usaha berterusan adalah dirancang

dan dilaksanakan melalui penerbitan Kitab Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang diikuti dengan penerbitan bersiri atau berjuzuk kitab huraian tafsirnya. "Usaha yang juga sangat dititikberatkan ialah siaran radio dan televisyen dan juga acara-acara majlis keilmuan yang bertujuan memberikan huraian atau 'tadabbur' yakni memetik pengajaran daripada ayat-ayat Al-Quran.

"Usaha ini dan usaha-usaha lain termasuk menerusi kursus bidang yang berkenaan di pusat-pusat pengajian tinggi adalah sangat penting untuk turut lebih aktif dan tersusun serta terarah bagi pengajian ilmu-ilmu tentang kitab Al-Quran terutama mempelajari dan memahaminya secara kontekstual kehidupan individu, bermasyarakat dan seterusnya bernegara khasnya bagi kita di Negara Brunei Darussalam negara yang bertuah diberkati Allah yang dalam konteks kemerdekaannya ia dimasyhurkan dengan azam mengekalkannya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik



ANTARA yang hadir semasa menadah tangan ketika doa dibacakan (atas kiri sekali, atas kiri dan kanan).





>> Muka 4

Bagi memohon berkat dan syafaat pada majlis yang berkebabjikan ini, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sebelum

berangkat balik, Kebawah DYMM berserta paduka-anakanda dan adinda baginda berkenan beramah mesra bersama para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya

Peringkat Akhir Kebangsaan dan Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1445 Hijrah serta ahli-ahli keluarga mereka.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama para peserta musabaqah dan keluarga (atas, kiri, bawah kiri, bawah kanan, bawah kiri sekali dan bawah kanan sekali).

ialah 'Al-Quran Pedomanku'. Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal

Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.



PENGUMUMAN PEMENANG MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 27 Mac. - Prosedur penghakiman bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah adalah berjalan sepertimana biasa, dengan agihan wajaran markah 90 peratus dinilai pada bahagian hafazan, manakala 10 peratus pada bahagian pemahaman.

Musabaqah kali ini menampilkan lima peserta terbaik daripada setiap kategori, iaitu mereka yang telah melayakkan diri bertanding daripada peringkat separuh akhir.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Pengerusi Jemaah Hakim ketika pemakluman keputusan musabaqah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan,

mereka adalah terdiri daripada seorang peserta lelaki dan empat peserta perempuan bagi Kategori 'A'; dua peserta lelaki dan tiga peserta perempuan bagi Kategori 'B'; dua peserta lelaki dan tiga peserta perempuan bagi Kategori 'C'; seorang peserta lelaki dan empat peserta perempuan bagi Kategori 'D'; manakala bagi Kategori 'E' pula, tiga peserta lelaki dan dua peserta perempuan.

Bagi Kategori 'A', iaitu menghafaz juz 30 serta pemahamannya bagi yang berumur 13 tahun ke bawah, johan disandang oleh Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri dengan memperoleh markah 98.55 peratus.

Manakala naib johan bagi Kategori 'A' milik Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri dengan memperoleh markah 98.53 peratus; dan tempat ketiga pula dirangkul oleh Dayang Alya Sofiyah binti Abdul 'Azim dengan memperoleh markah

95.68 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'A', masing-masing menerima hadiah iringan, Al-Quran digital, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND1,500 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND1,000 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND750.

Kategori 'B', iaitu menghafaz surah-surah pilihan, iaitu Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ar-Rahman, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Jumu'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Jinn dan Surah Al-Insan berserta pemahaman Surah Al-Qasas dan Surah Al-Ankabut bagi peserta berumur 14 tahun ke atas, johan ialah Dayang 'Alya Fathiyah binti Haji Abdul Rajid dengan memperoleh markah 97.95 peratus.

Manakala naib johan Kategori 'B' dengan memperoleh markah 95.72 peratus disandang oleh Dayang Nuramal Shofiyah binti Irma Syukrin, diikuti dengan Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap di tempat ketiga dengan memperoleh markah 94.3 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'B', masing-masing menerima hadiah iringan, Al-Quran digital, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND2,000 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND1,500 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,200.

Sementara itu, bagi Kategori 'C', iaitu menghafaz Surah Al-Baqarah dan Surah Ali-Imran berserta pemahaman Surah Yunus dan Surah Hud yang terbuka kepada semua peringkat umur, johan disandang oleh Awang Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi dengan memperoleh markah 96.71 peratus.

Manakala, naib johan pula, dimenangi oleh Awang Mohammad Ahmed Maahee bin Haji Samry dengan memperoleh markah 96.28 peratus, diikuti dengan Dayang Siti Nur Aqilah binti Haji Jahari setelah memperoleh markah 95.57 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'C', masing-masing menerima hadiah iringan, Al-Quran digital, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND2,800 untuk johan,

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan bagi Kategori 'A', Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri dan johan Kategori 'B', Dayang 'Alya Fathiyah binti Haji Abdul Rajid (kiri sekali dan kiri).

manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND2,000 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,500.

Bagi Kategori 'D', menghafaz 15 juz Al-Quran, iaitu daripada juz 1 hingga juz 15 berserta pemahaman Surah Saba', Surah Fatir dan Surah Yaa Siin yang terbuka kepada semua peringkat umur, johan ialah Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi dengan memperoleh markah 96.62 peratus; sementara naib johan dan tempat ketiga masing-masing disandang oleh Dayangku Nurfaiezah binti Pengiran Haji Kamaluddin dan Dayang Siti Nurul Syafiqah Shahirah binti Haji Sufri / Suhaili dengan keputusan markah 94.68 peratus dan 89.6 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'D', masing-masing menerima hadiah iringan, Al-Quran digital, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND3,500 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND2,500 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND2,000.

Bagi Kategori 'E', menghafaz 30 juz Al-Quran berserta pemahaman Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Baqarah yang terbuka kepada semua peringkat umur, johan dimenangi oleh Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini dengan memperoleh markah 98.75 peratus; naib johan milik Awang Muhammad Adi Syazani @ Muhammad Izz Raziq bin Shahri dengan memperoleh markah 98.4 peratus, diikuti dengan Dayangku Nurol Hafizah binti Pengiran Haji Tejudin di tempat ketiga dengan keputusan markah 97.74 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'E', masing-masing menerima hadiah iringan, Al-Quran digital, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND5,000 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND3,500 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND2,500.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan Kategori 'C', Awang Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi; johan Kategori 'D', Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi; dan johan Kategori 'E', Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini (atas kiri, atas dan kiri).



PEMANGKU Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Pengerusi Jemaah Hakim ketika pemakluman keputusan musabaqah (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

PENGURNIAAN MEMPERLIHATKAN KEPRIHATINAN KEBAWAH DYMM



BERANGKAT bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (kiri dan atas).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada

Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 adalah merupakan kali ke-15 ia diadakan yang bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan-golongan yang tertentu di negara ini.

Pengagihan kurnia peribadi

pada kali ini dimulakan dengan pengagihan kurnia peribadi oleh paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku wakil-wakil peribadi baginda di keempat-empat daerah dengan diikuti pengurniaan secara serentak di beberapa pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Berangkat bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah

DYMM bagi Daerah Brunei dan Muara di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Resepsi dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 8



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Kurnia Peribadi kepada penerima (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sebahagian penerima bagi DBM.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota semasa berkenan berangkat pada Majlis Pengagihan Kurnia Peribadi bagi DBM di Istana Nurul Iman.

>> Muka 7

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka

Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Di majlis berkenaan, DYTM berkenan menyampaikan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000

penerima bagi Daerah Brunei dan Muara.

Pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM oleh paduka anakanda baginda di keempat-empat daerah

pada hari ini menandakan bermulanya secara serentak pengagihan kurnia-kurnia peribadi Kebawah DYMM melalui pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan, iaitu Stadium Tertutup

Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Bridex, Jerudong bagi Daerah Brunei dan Muara; Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait; Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong; dan Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Pengurniaan yang bermula pada hari ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



SUASANA pusat pengagihan bagi Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Istana Nurul Iman, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Bridex, Jerudong bagi DBM (atas sekali kiri, atas sekali kanan, atas dan kiri).

KURNIA PERIBADI TANDA PEMEDULIAN KEBAWAH DYMM KEPADA RAKYAT



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyempurnakan Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Belait ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BELAIT, Rabu, 27 Mac. - Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Kepada Golongan Tertentu Bagi Daerah Belait sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung hari ini di Dewan Pusat Insani, di sini. Berangkat menyempurnakan

pengurniaan berkenaan, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Keberangkatan tiba Duli

Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhamad.

Seramai 1,000 penerima terdiri daripada beberapa golongan tertentu menerima kurnia peribadi Kebawah DYMM pada majlis berkenaan.

Mereka terdiri daripada anak-anak yatim, Orang-orang Berkeperluan Khas, orang fakir miskin dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.

Jumlah keseluruhan penerima pada tahun ini ialah seramai 18,010 orang dan jumlah penerima keseluruhan bagi Daerah Belait ialah seramai 2,855 orang.

>> Muka 10



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyampaikan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima di Daerah Belait (kiri dan kiri sekali).



DOA dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhamad (atas). Manakala gambar kiri, antara para penerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM.



DYTM berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM bagi para penerima Daerah Belait yang terdiri daripada anak-anak yatim, Orang-orang Berkeperluan Khas, orang fakir miskin dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.

>> Muka 9

Kelebihan bersedekah digambarkan begitu indah di dalam Al-Quran antaranya

dinyatakan bagi orang-orang yang bermurah hati membelanjakan hartanya pada jalan Allah, meliputi segala jenis kebajikan umum akan dibalas oleh Allah

Subhanahu Wata'ala dengan pahala 700 kali ganda, asalkan sedekah atau derma dan khairat itu diberikan dengan ikhlas kerana Allah semata-mata.

Sementara sedekah pula bermaksud meliputi menyucikan harta, menyucikan badan, menolak bala dan penyakit, menggemirakan orang miskin

dan menggemirakan orang mukmin adalah semulia-mulia amal serta berkat hartanya dan diluaskan Allah rezekinya.

Daripada itu, kurnia peribadi Kebawah DYMM jelas mencerminkan pemedulian dan keprihatinan baginda yang sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan bantuan.



SUASANA Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM yang berlangsung di Dewan Pusat Insani (kiri, kiri sekali, bawah kiri dan bawah kanan).



KURNIA PERIBADI BANTU RINGANKAN BEBANAN RAKYAT



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 ialah paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Rabu, 27 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan-golongan tertentu di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada seramai 18,010 penerima di seluruh negara dari golongan-golongan tertentu terdiri daripada

Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima bantuan kebajikan bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Pengagihan kurnia peribadi pada kali ini adalah merupakan kali ke-15 ia diadakan dimulakan

dengan pengagihan kurnia peribadi oleh paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku wakil-wakil peribadi baginda di keempat-empat buah daerah, diikuti dengan pengurniaan secara serentak di beberapa pusat-pusat pengagihan yang ditetapkan.

Bagi Daerah Tutong, berangkat selaku wakil peribadi Kebawah DYMM bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 ialah paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyampaikan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima di Daerah Tutong (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah tengah dan bawah kanan, para penerima yang hadir pada majlis berkenaan menadahkan tangan semasa doa dibacakan.

>> Muka 12



DOA dibacakan oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talip.





DYTM berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

>> Muka 11

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talip.

Pada majlis berkenaan, DYTM

berkenan menyampaikan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada 1,000 penerima dari Daerah Tutong.

Pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM oleh paduka-paduka anakanda baginda di seluruh negara pada hari ini menandakan bermulanya

secara serentak pengagihan kurnia-kurnia peribadi Kebawah DYMM di seluruh negara melalui pusat-pusat pengagihan yang ditetapkan, iaitu Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Bridex, Jerudong bagi Daerah Brunei dan Muara; Dewan

Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait; Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan bagi Daerah Tutong; dan Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Pengurniaan yang bermula pada hari ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



SUASANA pendaftaran Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Daerah Tutong (kiri sekali, kiri, bawah kiri dan bawah).



TANDA PEMEDULIAN, KEPRIHATINAN BAGI MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (atas dan kiri).

Oleh: Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TEMBURONG, Rabu, 27 Mac. - Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada golongan tertentu bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi jelas mencerminkan tanda pemedulian dan keprihatinan

baginda yang sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, khususnya dalam kalangan golongan tertentu yang memerlukan bantuan.

Justeru, Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bagi Daerah Temburong dan di seluruh negara telah diadakan secara serentak pada hari ini.

Berkenan berangkat selaku

wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di daerah tersebut ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar dijunjung oleh Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohammad.



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (atas kiri dan atas kanan).



SURAH Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali (atas), sementara gambar kiri sekali dan kiri, antara penerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM bagi Daerah Temburong (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 14



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

>> Muka 13

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin

oleh Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.

Di majlis berkenaan, DYTM berkenan menyampaikan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada

seramai 901 penerima bagi daerah berkenaan.

Kurnia peribadi Kebawah DYMM berkenaan adalah merupakan kali ke-15 ia diadakan bertujuan untuk

membantu meringankan beban golongan-golongan tertentu di negara ini.

Pada tahun ini, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan kurnia

peribadi baginda kepada seramai 18,010 penerima di seluruh negara dari golongan-golongan tertentu daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin dan penerima bantuan kebajikan bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri.



SEKITAR Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Daerah Temburong (kiri, kiri sekali, bawah kiri dan bawah).



MUSLIMAH MASJID DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar atas, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim di Kampung Kulapis.

>> Muka 1

Sementara Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin

bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan. Adapun seramai 41 peserta Muslimah masjid telah

diraikan kerana telah berjaya membacakan 30 juz kitab suci Al-Quran sejak permulaan malam Ramadan. Doa khatam dibacakan oleh Dayang Hajah Norhaidah binti

Ramli dan majlis turut diserikan dengan bacaan Takhtim yang diketuai oleh Dayang Jamaliah binti Haji Juma'at. Pihak penganjur setentunya melahirkan penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada para dermawan dan mereka yang terlibat dalam mengukuhkan bagi sama-sama menjayakan acara yang berkebakikan berkenaan.

Kongsi kegembiraan bersama pelajar Pusat Ehsan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat berkenaan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Seramai 15 pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan)

diraikan pada Majlis Berbuka Puasa yang dihoskan oleh Pakar Bedah Pergigian dan Pengurus Amalan Kumpulan Pergigian Premier

(Dental Surgeon and Practise Manager of the Premier Dental Group), Dr. Murali Rao dan isteri, Dr. Sumaya Rao bertempat di salah sebuah hotel di ibu negara, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad berserta isteri masing-masing. Terdahulu, Dr. Murali Rao dalam ucapannya menjelaskan bahawa amalan berpuasa menyeru kepada amalan disiplin diri dan pengorbanan serta menunjukkan belas kasihan terhadap manusia. Semangat Ramadan ujanya, mengingatkan kita bahawa kita semua mempunyai kewajipan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik dan mendekati mereka yang memerlukan bantuan. Bersedekah tambahnya, mengukuhkan nilai peribadi dan

membina sahsiah selain mempunyai keupayaan untuk memperbaiki kehidupan orang lain adalah merupakan satu keistimewaan. Pada majlis berkenaan, Dr. Murali Rao dan isteri, Dr. Sumaya Rao menyumbang sejumlah BND10,000 kepada Pusat Ehsan dan diterima oleh Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab. Majlis seterusnya menyaksikan

penyampaian sumbangan derma oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Dr. Murali Rao dan Dr. Sumaya Rao kepada 15 ahli Pusat Ehsan. Sumbangan berkenaan adalah sebahagian daripada sumbangan peribadi dan tahunan mereka untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di bulan Ramadan.



Hengyi bantu ringankan beban menjelang Aidilfitri

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) mengadakan beberapa siri sumbangan sempena bulan Ramadan yang mulia dengan menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan keluarga yang kurang berkemampuan termasuk penyampaian sumbangan kepada tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim (DANA) dan penyampaian wakaf kepada Masjid Kampung Perpindahan Serasa. Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Xiao Jianguo; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang

Mulia Awang Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ketua Kampung Kapok, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman; dan Pemangku Ketua Kampung Perpindahan Serasa & Memangku Ketua Kampung Serasa, Awang Abdul Hamid bin Haji Zinin/Haji Zainin.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

>> Muka 16

122 ANAK YATIM ABDB TERIMA SUMBANGAN DERMA



PEMERINTAH ABDB hadir pada Majlis Sentuhan Kasih Ramadan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima yang diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba berkenaan (atas dan kanan).

>> Muka 1

Majlis Sentuhan Kasih Ramadan berkenaan adalah acara tahunan yang

diungkuhkan oleh ABDB pada bulan Ramadan bagi mengenang jasa bakti warga ABDB yang telah kembali ke rahmatullah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman
Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada Tabung Kebajikan ABDB,



BAKTI, anggota-anggota ABDB dan surau-surau ABDB bagi mengongsikan kegembiraan dan meringankan beban anak-anak yatim dalam membuat persiapan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang.

Kongsi rezeki bersama anak yatim

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ihsan Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 29 Mac. - Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Bantuan Ehsan bagi kakitangan awam Kementerian Pertahanan bertempat di Bolkiah Garison, di sini dan selain itu majlis serupa juga turut diadakan di Penanjong Garison dan Perkhemahan Lumut.

Hadir di majlis penyampaian tersebut yang berlangsung di Surau Ad-Difa' bagi menyampaikan sumbangan kepada penerima-penerima dari Daerah Brunei-Muara dan Temburong ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Turut hadir di majlis tersebut

ialah seluruh peringkat kepimpinan awam dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan doa Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Agama dari Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT ABDB), Awang Mohammad Fahmi bin Haji Matnor, dan diikuti dengan penyampaian derma anak-anak yatim dan bantuan ihsan kepada para penerima.

Sementara itu, majlis yang sama juga diadakan serentak di Penanjong Garison dan Perkhemahan Lumut, yang mana hadir menyampaikan sumbangan bagi penerima-penerima dari Daerah Tutong bertempat di Bilik Halbi, Penanjong Garison ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Poh Kui Choon.

Manakala bagi majlis penyampaian derma yang diadakan di Pejabat Pentadbiran Awam, Perkhemahan Lumut, sumbangan derma bagi penerima-penerima dari Daerah Belait disempurnakan oleh Pemangku Pengarah

Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Dayang Alina binti Abang Haji Omarzuki.

Seramai 65 anak-anak yatim menerima sumbangan derma pada tahun ini di samping 11 penerima bantuan ihsan yang terdiri daripada kalangan kakitangan awam

Kementerian Pertahanan.

Majlis diadakan sebagai melahirkan rasa prihatin dalam membantu perbelanjaan mereka semasa bulan Ramadan dan bantuan ihsan dalam persiapan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan semasa hadir dan seterusnya menyampaikan derma pada Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Bantuan Ehsan bagi kakitangan awam Kementerian Pertahanan bertempat di Bolkiah Garison, Penanjong Garison dan Perkhemahan Lumut (atas sekali dan atas).

Hengyi bantu ringankan beban menjelang Aidilfitri

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.

>> Muka 15

Acara dimulakan dengan penyampaian sumbangan tahunan dari Hengyi.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyerahkan wang tunai dan barangan makanan berjumlah BND7,800 kepada 13 keluarga kurang berkemampuan dan 13 anak yatim dari Kampung Perpindahan Serasa dan Kampung Muara.

Sumbangan berkenaan bertujuan untuk meringankan beban keluarga dan anak yatim bagi persiapan mereka menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan berjumlah BND5,000 yang disumbangkan oleh kakitangan dan syarikat kepada DANA sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hengyi di bawah Inisiatif Hengyi Cares.

Sumbangan berkenaan bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk menyediakan penjagaan dan kesejahteraan kepada anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries, Chen Lian Cai, kepada Dr. Dayang Nor Imtihan.

Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries kemudiannya menyampaikan wakaf berupa tiga unit lampu solar kepada Masjid Kampung Perpindahan Serasa.

Barangan berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif Hengyi Industries untuk memberi kembali kepada masyarakat dan memberi kemudahan kepada jemaah masjid.

Acara diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa bersama keluarga dan anak-anak yatim bersama Hengyi Industries dan tetamu jemputan.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

BEKALKAN BELIA DENGAN ILMU PENGETAHUAN SECARA INFORMAL



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan perkhemahan berkenaan.

PULIAIE, Jumaat, 29 Mac. - Dalam usaha untuk mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal, khususnya untuk para belia dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini dengan pendidikan agama khususnya, dan pendidikan umum amnya, agar dapat melahirkan belia yang bertanggungjawab, prihatin dan berbakti kepada raja, bangsa, agama dan negara, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia, Kumpulan Belia Ashabul Halim, Kumpulan Belia Syababurroja, Kumpulan Syababul Iman, Belia Masjid Ash-Shaliheen dan Kumpulan Belia Ashabul Akhyar dengan kerjasama Belia Masjid Senegara menganjurkan 'Program

Youth of Faith 2.0 Ignite Your Iman, Ignite Your Potential'.

Antara objektif program berkenaan adalah untuk membekalkan para belia dengan ilmu pengetahuan secara informal dan meningkatkan keyakinan serta motivasi diri untuk menjadi lebih baik.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan para belia dengan aktiviti-aktiviti yang akan memupuk sifat kerjasama, tolong menolong dan sifat kemanusiaan di dalam diri para peserta.

Di samping itu, program berkenaan juga dihasrat untuk membekalkan para belia dengan ilmu pengetahuan secara informal berserta kemahiran abad 21 (21st

Century Skills) sebagai bekal untuk menghadapi cabaran mendatang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan perkhemahan berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terdahulu, Pengerusi AJK Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad Bolkini dalam ucapannya berkata, belia Islam kini berada di era yang amat mencabar.

Dunia globalisasi atau dunia tanpa sempadan tambahnya, telah banyak mewarnai keperibadian sahsiah para belia pada hari ini.

Pengaruh yang datang dari budaya luar jelasnya, tanpa disedari telah banyak memberi impak yang negatif terhadap cara hidup, pemikiran, akhlak dan keperibadian para belia.

Perkara ini ujar beliau lagi, akan menjejaskan pertumbuhan potensi belia menjadi harapan negara sekiranya tidak banyak pihak yang peduli dalam menjaga identiti dan mendidik sahsiah para belia 'kitani' untuk kekal setia dengan prinsip identiti kebruneian, iaitu Melayu Islam Beraja.

Beliau seterusnya menambah, antara keistimewaan program perkhemahan yang dikelola oleh belia-belia masjid berkenaan ialah kami juga turut menyediakan

program-program susulan sebagai usaha untuk membentuk sahsiah Islam dan pembinaan jati diri belia yang berterusan bagi para peserta.

'Youth of Faith 2.0 'Ignite Your Iman, Ignite Your Potential' yang diadakan selama tiga hari bermula 29 hingga 31 Mac 2024 di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas akan diisikan dengan aktiviti-aktiviti menarik dan mencabar termasuk yang disediakan khas demi mencapai tema dan matlamat program serta bermanfaat kepada para peserta seperti ceramah, bengkel kerohanian, latihan dalam kumpulan, aktiviti kesenian Islam, aktiviti kemasyarakatan,

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

aktiviti kemahiran diri dan sebagainya.

Perkhemahan yang disertai oleh seramai 71 orang berkenaan diharapkan akan dapat memberi impak yang sangat besar kepada para peserta serta dapat mencapai hasrat pihak penganjur agar program berkenaan dapat menjadi titik permulaan bagi para peserta khususnya sebagai langkah pertama untuk berhijrah ke arah membentuk diri menjadi belia Islam dan siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran di era globalisasi ini.



ANTARA yang ikut serta 'Program Youth of Faith 2.0 Ignite Your Iman, Ignite Your Potential'.

Raih kerahmatan, keampunan di bulan Ramadan



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KOTA BATU, Jumaat, 29 Mac - Bulan Ramadan merupakan bulan penuh keberkatan yang di dalamnya diturunkan Al-Quran, dan di bulan ini juga, Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rahmat, memberikan keampunan dan menjanjikan jaminan pembebasan daripada api neraka, selain membelenggu pergerakan syaitan, menutup pintu neraka, dan membuka seluasnya

pintu syurga.

Di samping itu, dilipat gandakan balasan pahala ke atas segala amal ibadah yang dikerjakan sehingga beribu kali ganda.

Bagi meraih keberkatan dan sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan yang mulia ini, Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang petang tadi menganjurkan Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim

bersempena bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Awang Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma kepada salah seorang penerima (kiri dan atas).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, disusuli dengan bacaan Takhtim Al-Quran beramai-ramai oleh para peserta khatam.

Sementara itu, bacaan Doa Khatam dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Serdang, Haji Muhammad Syariff Waliyudin bin Jemain.

Manakala bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Md Khairul Azmy bin Haji Bakar.

Tetamu kehormat seterusnya

menyampaikan derma kepada seramai 12 anak yatim, terdiri daripada Penduduk Kampung Sungai Belukut dan Kampung Serdang.

Majlis Membaca Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim berkenaan adalah aktiviti takmir tahunan Masjid Serdang sempena bulan Ramadan bagi menghidupkan dan menyemarakkan bulan yang mulia ini, di samping membantu meringankan beban golongan yang memerlukan khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri.

MPK MERIMBUN, KUALA UNGAR ANJURKAN MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH SEKAMPUNG

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TUTONG, Jumaat, 29 Mac. - Bagi mendapatkan keberkatan di bulan Ramadan dengan melaksanakan acara yang berkebajikan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Merimbun dan Kuala Ungar menganjurkan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Barang Asasi Kepada Penduduk Yang Berkeperluan, dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim Kampung Merimbun dan Kampung Kuala Ungar.

Majlis yang berlangsung di Balai Raya Kampung Tasek Merimbun berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara terlebih dahulu dimulai dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dikepalai oleh Awang Muhammad Eddie Ikhwan bin Muhammad Eddie Sufiyan, belia Biro Keagamaan MPK Merimbun dan Kuala Ungar.

Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan barang asasi kepada 21 penerima, dan juga penyerahan derma kepada 20 anak-anak yatim yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan acara berbuka puasa dan bacaan Doa Selamat. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, selaku Penghulu Mukim Ukong, dan Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Rambai.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima (atas dan kiri). Turut hadir, Ahli MN, selaku Penghulu Mukim Ukong. Manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



 PENGESEKAWAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
 Selamatkan Usus Awda

Sumbangan ringankan beban anak yatim



SERAMAI 13 anak-anak yatim terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi dan ahli keluarga Akademi Pengajian Brunei (APB) menerima sumbangan barangan keperluan pada Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim yang berlangsung di Bangunan APB, Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU, Jumaat, 29 Mac. - Seramai 13 anak-anak yatim terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi dan ahli keluarga Akademi Pengajian Brunei (APB) menerima sumbangan barangan keperluan pada Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim yang berlangsung di Bangunan APB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir bagi menyampaikan ucapan ringkas dan menyempurnakan sumbangan kepada para penerima ialah

Pengarah APB, UBD, Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir ialah para penerima sumbangan yang terdiri dari kalangan mahasiswa-mahasiswi APB, para pegawai dan kakitangan dan juga ahli-ahli Badan Perhubungan dan Kesejahteraan Mahasiswa-Mahasiswi APB (BPKMAPB).

Acara yang dianjurkan bersama oleh APB dan BPKMAPB, UBD, merupakan acara keagamaan tahunan pihak APB yang bertujuan untuk mengeratkan

lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga APB.

Selain itu, sumbangan yang diberikan dapat membantu dan dimanfaatkan oleh para penerima khususnya bagi kegunaan pada bulan Ramadan dan Syawal yang bakal menjelma nanti.

Selesai penyampaian, acara diteruskan dengan Majlis Membaca Tahlil dan Doa Arwah khusus bagi warga APB dan UBD yang telah kembali ke rahmatullah.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



PENGARAH APB, Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak





MASJID KAMPUNG PELAMBAYAN ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Masjid Kampung Pelambayan melahirkan penghargaan dan berbesar hati kerana penglibatan golongan belia yang mengikuti Tadarus Al-Quran di bulan suci Ramadan ini meningkat dari tahun sebelumnya.

Seramai 84 penyertaan bagi Tadarus Al-Quran diterima pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya sebanyak 55 peserta sahaja.

"Alhamdulillah, adanya peningkatan sedemikian menandakan semakin banyak belia yang cenderung ke arah memakmurkan masjid dengan melibatkan diri bertadarus membaca Al-Quran di bulan Ramadan.

"Inilah yang perlu kita tanamkan pada belia masa kini kerana belia merupakan aset yang berharga

serta tonggak dan kekuatan masa hadapan negara kita," jelas Ketua Imam Masjid Pelambayan, Awang Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Puteh semasa ditemu bual hari ini.

Awang Haji Muhammad Aminuddin seterusnya menekankan, para belia di negara ini perlu bergiat aktif dan bersatu padu dalam menjaga dan mempertahankan Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Tambahnya, bak patah pepatah 'Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya', jadinya selagi mereka muda, kita didik mereka dengan mendekati Al-Quran.

"Jadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai pegangan hidup dan insyaaAllah berjaya dunia dan akhirat," ujarnya lagi.

Berkaitan dengan pemantauan dalam bacaan para peserta katanya, pihak mereka telah membahagikan kepada beberapa kumpulan.

Setiap kumpulan itu tambahnya, ada pentasmik yang mendengarkan bacaan mereka sekali gus menegur setiap kesalahan dan kekurangan dalam bacaan belia.

Dengan cara seumpama ini jelasnya, belia yang lain dapat mendengarkan dan belajar cara sebutan dan bacaan yang betul.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Haji Abu Bakar bin Samad; dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Ya'akub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Awang Zainal.

Pembacaan ayat-ayat suci

DATO Paduka Awang Haji Abu Bakar bin Samad; dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Ya'akub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Awang Zainal hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir.

Al-Quran beramai-ramai bermula dari Surah Ad-Dhuha kemudian diserikan dengan bacaan Takhtim yang dipimpin oleh Awang Md. Abdul Muhaimin bin Haji Kifli dan seterusnya Dikir Marhaban.

Sementara Doa Khatam

dibacakan oleh Imam masjid itu, Awang Muhamad Saleh bin Haji Abd. Rahman manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Bilal Masjid, Awang Muhd. Hafizul Ridhwan bin Sofian.

Semarak Ramadan dengan Khatam Al-Quran



YANG Dipertua Persatuan PERTIWI, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof semasa menghadiri majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir.

hingga Surah An-Nas.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam dibacakan oleh Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Hajah Haidah binti Haji Abd. Wahab.

Majlis tersebut diharap dapat mendekatkan diri dengan Al-Quran dan sama-sama meraih pahala dengan membaca dan mendengarkan bacaan Al-Quran.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MADANG, Khamis, 28 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan ini, Persatuan PERTIWI tidak ketinggalan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang dihadiri oleh lebih 100 orang ahlinya di keempat-empat daerah dan jemputan khas.

Majlis diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Turut hadir, Yang Dipertua Persatuan PERTIWI, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah

Al-Fatihah dan Khatam Al-Quran bermula dari Surah Ad-Duha



Penambahbaikan, peralihan portal e-Invoice ke TAFIS 2.0

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan bahawa mulai 1 April 2024, portal e-Invoice dalam sistem Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS) akan berpindah ke Government Vendor Portal dalam sistem TAFIS baharu (TAFIS 2.0).

Government Vendor Portal berkenaan adalah portal layan sendiri (self-service) yang memerlukan para pembekal (vendors) mendaftar untuk menjadi pembekal-pembekal pihak kerajaan secara online, yang akan membolehkan pembekal-pembekal (vendors) menyertai sebarang proses sebut harga ataupun tawaran yang dikeluarkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Bagi pembekal-pembekal kerajaan yang memerlukan bantuan untuk mendaftar sebagai pembekal-pembekal kerajaan ke dalam Government Vendor Portal, bolehlah menghadiri Vendor Clinic pada tempat dan tarikh seperti berikut, iaitu 1 April 2024 hingga 30 April 2024, semasa waktu bekerja bertempat Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (Island Block).



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas : III & IV

Kategori : B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
9 April 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup :
23 April 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 09 / CQS / 2024-T/III

Nama Projek :
Architectural Cladding
For Turnstile Structure
@ Stadium Negara
Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 023 / 2024

Keterangan Tawaran :
Pakej Pengendalian Persembahan
Pentas Sempena Majlis
Keberangkatan KDYMM Beramah
Mesra Bersama Rakyat Bertempat
Taman Haji Sir Muda Omar Ali
Saifuddin, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 024 / 2024

Keterangan Tawaran :
Membekal Dan Memasang Tunjuk
Arah Dan Papan Tanda Ketua-
Ketua Kampung,
Daerah Brunei Dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
9 April 2024
Jam 2.00 Petang



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

(01/24) KPN / DPK / PROC / 2024
/ 2025

Sebut Harga Bagi Menggantikan
Dan Mengaktifkan Dua (2) Unit
ZP3 Addressable Ziton
Fire Alarm Control Panel
Di Kementerian Pembangunan

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen

Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu,
30 Mac 2024

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Sabtu,
8 April 2024

Tarikh Tutup:
Isnin,
18 April 2024
Jam 2.30 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Kategori :
E03

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 076 / 2023

Tajuk Tawaran:
Maintenance of Pole Mounted and
Street Lightings Column (10M And
Above) For Sengkurong Area

Tarikh Tutup :
Selasa
23 April 2024,
jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut harga :
03 / 2024 / KKBS / PPB / 01

Tajuk Sebut harga :
Pembekalan dan Pemasangan
PA Sistem Di Dewan Bina Diri dan
Surau Utama Pusat Pembangunan
Belia, Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Jalan Utama Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut harga :
Khamis
4 April 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Iklan Jawatan Kosong
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-2C

Jawatan :
Penolong Pendaftar

Bahagian :
II

Tangga Gaji :
UB.1 / UB.1 EB.2

Kekosongan Jawatan :
1

Tarikh Tutup Iklan:
06 April 2024



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023-2024 / 49

Tajuk Tawaran:
Storytelling Workshop
For Tourist Guides

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
18 April 2024



**JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran Kastam
dan Tajuk Tawaran**
Bil. 02 / 2024
Tawaran Membekalkan Segel Jenis
"Cable Lock Wire Seal"
Kepada Jabatan Kastam
Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa, 2 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EH WAL UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'I'

1. Sekolah Ugama Sengkarai
2. Sekolah Ugama Kiudang
3. Sekolah Ugama Lamunin
4. Sekolah Ugama Tumpuan Telisai
5. Sekolah Ugama PAP Norain
6. Sekolah Ugama Penanjong
7. Sekolah Ugama PAP Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang)

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'J'



1. Sekolah Ugama PAP Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria
2. Sekolah Ugama Sungai Taring, Lumut
3. Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan SOAS, Daerah Belait)

Di Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Agama
Tahun 1444H-1445H /
2023M – 2024M

**Tarikh Tutup Menghantar Borang
Sebut Harga :**
Rabu, 23 Ramadan 1445H /
3 April 2024M
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.





Tawaran

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 023 / 2024

Keterangan Tawaran :
Pakej Pengendalian Persembahan Pentas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 024 / 2024

Keterangan Tawaran :
Membekal Dan Memasang Tunjuk Arah Dan Papan Tanda Ketua-Ketua Kampung, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa9 April 2024
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
RTB / 01 / 2024

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of Printer Toners And Cartridges For Radio Television Brunei For A Period Of Two (2) Years Contract Term

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 April 2024,
Selasa,
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
01 / DBP / SH / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Sistem Mesh Wifi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
02 / DBP / SH / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Alat Tulis Dan Barangan Keperluan Belajar Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
4 April 2024



Bil. Tawaran :
UBD / RFP / 001 / 2024

Keterangan :
Request For Proposal Library Café At Universiti Brunei Darussalam

Bil. Tawaran :
UBD / RFP / 002 / 2024

Keterangan :
Request For Proposal Library Uni Shop At Universiti Brunei Darussalam

Bil. Tawaran :
UBD / RFP / 003 / 2024

Keterangan :
Request For Proposal Simpur Herbal Café At Universiti Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 April 2024



Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut harga

1.Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 07 / BPK / 01

Tajuk Sebut harga:
Body Repair And Repainting For Compactor Truck BG2988 And BG4145, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

2.Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 08 / BPK / 02

Tajuk Sebut harga:
Pembekalan Dan Pemasangan Alat Ganti Kenderaan Yang Berdaftar BG5069 Dan BG5070, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,4 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Seksyen Bengkel, Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan, Depot Jabatan Bandaran, Kampung Belimbing Subok, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KA01 (kod baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 004 / 2024

Nama Projek :
Membaik Pulih Tebing Sungai Rampayoh Dari Jalan Ke Jambatan Yang Susur Di Kampung Rampayoh, Daerah Belait

No. Projek :
2024ADKB/KEW-1

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Field (Padang Kawad) HBNSC

Bilangan Tawaran :
(27)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Trees And Wild Bushes Cutting And Trimming At Hassanal Bolkiah National Sports Complex

Bilangan Tawaran :
(36)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Supply And Install New Drain Cover At Padang B Berakas Sports Complex, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
4 April 2024



Bilangan Tawaran :
(20) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Peralatan Logistic Pembelian Piala, Pingat-Pingat, Drop Banner Dan Bib Number Kejohanan Skim Olahraga Antara Skim-Skim Jabatan Belia dan Sukan Pada 21 Hingga 23 Jun 2024

Bilangan Tawaran :
(21)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Jamuan Makan Dan Minuman AJK Teknikal & Medical Kejohanan Skim Olahraga Pada 21 Hingga 23 Jun 2024

Bilangan Tawaran :
(24)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Games Village And Marchings



Iklan Jawatan Kosong Di Universiti Teknologi Brunei

Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 7(A)

Iklan Dibukakan Kepada Orang Ramai Yang Berkelayakan (Termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan)

Tarikh Tutup:
8 April 2024

Universiti Teknologi Brunei sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan jawatan kosong Pegawai Pelajaran di Universiti Teknologi Brunei:



Bilangan Iklan :
04 / 2024

Jawatan :
Pegawai Pelajaran (Bimbingan Kerjaya Dan Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa), Pejabat Pendaftar (Bahagian Akademik)

Tangga Gaji :
G.13
(BND2,270 – BND4,240)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Melipatgandakan Amal Ibadah di Penghujung Ramadhan

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 18 Ramadhan 1445H/29 Mac 2024M

Lailatul Qadr

- Banyak riwayat mengatakan berlaku pada 10 malam terakhir. Besar kemungkinan pada malam yang berangka ganjil
- Rebut peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan:



Sembahyang-semahyang sunat



Membaca al-Quran



Berzikir



Berdoa memohon keampunan kepada Allah SWT

Nuzul al-Quran

Berlaku pada 17 Ramadhan, dengan tujuan untuk membuktikan keagungan Allah SWT

Al-Quran: Mukjizat agung yang diberikan kepada Rasulullah SAW
 Diturunkan secara beransur-ansur melalui Malaikat Jibril AS selama 23 tahun. (13 tahun di Mekah, 10 tahun di Madinah)





Melipatgandakan amal ibadah di penghujung Ramadan

yang lain. Malam di mana Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa-dosa bagi mereka yang beribadah dengan penuh keikhlasan serta mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Banyak riwayat mengatakan bahawa Lailatulqadar berlaku pada 10 malam terakhir bulan Ramadan. Besar kemungkinan ia berlaku pada malam berangka ganjil, iaitu malam 21, 23, 25, 27 atau malam 29, ini adalah berdasarkan daripada riwayat Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Maka kamu carilah Lailatulqadar itu pada 10 terakhir (bulan Ramadan) dan carilah ia pada tiap-tiap malam yang ganjil". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh itu, rebutlah peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa bagi memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala dosa yang telah dilakukan.

Ramadan adalah bulan istimewa kerana ganjaran pahala melakukan amal ibadah pada bulan ini akan dilipatgandakan. Bulan Ramadan menjadi lebih istimewa kerana di dalamnya telah berlaku salah satu peristiwa yang paling bersejarah dalam kalangan umat Islam iaitu turunnya Al-Quran kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa ini dikenali sebagai Nuzul Al-Quran yang telah berlaku pada 17 Ramadan. Penurunan ini berlaku dengan tujuan untuk membuktikan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala. Al-Quran merupakan salah satu mukjizat agung yang diberikan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara beransur-ansur melalui perantaraan

Malaikat Jibril Alaihissalam selama 23 tahun iaitu 13 tahun diturunkan di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Ayat yang mula-mula sekali diturunkan adalah lima ayat daripada Surah Al-Alaq :

Tafsirnya : "Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan kalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".

Membaca Al-Quran merupakan tuntutan kepada setiap Muslim sepanjang masa sama ada pada bulan Ramadan ataupun bulan-bulan lain. Namun bulan Ramadan sememangnya mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri apabila dikaitkan dengan Al-Quran. Ini kerana bulan Ramadan dimulakan dengan diturunkan Al-Quran di dalamnya.

Apabila kita membaca Al-Quran, kita akan menemui bermacam-macam jenis ayat. Antaranya ayat-ayat yang memaparkan kisah-kisah umat terdahulu dengan gaya bahasa yang cukup menarik seperti kisah perjalanan hidup Nabi Yusuf Alaihissalam, kisah Ashabul Kahfi dan sebagainya. Apabila Al-Quran memaparkan sesuatu kisah, sudah tentu ia mempunyai ibadah atau pengajarannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yusuf, ayat 111 :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Al-Quran) itu bukanlah suatu cerita yang diada-adakan tetapi ia membenarkan (kata-kata) yang diturunkan sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman".

Tujuan pemaparan kisah-kisah dalam Al-Quran bukan sahaja untuk mengetahui kisah-kisah tersebut di sudut penceritaannya sahaja, bahkan tujuan asasnya adalah untuk menggambarkan kepada minda pembaca-pembaca Al-Quran mengenai kotornya syirik, maksiat dan hukuman Allah Subhanahu Wata'ala terhadap mereka yang melanggar perintah-Nya. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengingatkan kepada perkara-perkara yang berhubung dengan keimanan, pertolongan dan kebersamaan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-hamba-Nya yang ikhlas dan seterusnya mengingatkan manusia kepada kematian dan perkara-perkara yang berlaku selepasnya.

Oleh itu, apabila kita membaca Al-Quran dan bertemu dengan kisah-kisah tertentu, maka wajar bagi kita merenung dan mentadabbur ayat-ayat dibaca untuk melihat bentuk-bentuk pengajaran yang terdapat dalam kisah tersebut.

Dengan demikian, barulah Al-Quran itu menjadi petunjuk dan pembimbing dalam kehidupan seorang Muslim. Semoga kita memahami hakikat kehidupan melalui kisah-kisah yang kita baca di dalam Al-Quran dan kita memohon agar dimasukkan dalam kalangan orang-orang yang berjaya seperti mana golongan yang telah dikisahkan kejayaan mereka di dalam Al-Quran, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu penuh kesejahteraan hingga terbit fajar". (Surah Al-Qadr, ayat 1-5)

Pupuk budaya membaca, mendalami Al-Quran

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



NAIB Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Ibu Pejabat persatuan berkenaan di Kampung Anggerek Desa.

BERAKAS, Jumaat, 29 Mac. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Ibu Pejabat persatuan berkenaan di Kampung Anggerek Desa.

Majlis merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan dan termasuk dalam

rangkaian kegiatan di bawah Projek Titian Kasih di bulan Ramadan dan Projek Pencinta Kalam Allah.

Acara diisi dengan membaca surah-surah lazim yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, yang turut mengetahui

bacaan Tahlil dan Doa Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sementara itu, bacaan Takhtim dan doa Khatam Al-Quran pula dipimpin oleh Pemimpin-pemimpin Muda PPPBD.

Antara yang hadir ialah Naib Yang Di-Pertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Sebanyak tiga kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa, Pemimpin-pemimpin Muda dan Pandu Puteri telah menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

30 Juz Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Turut sama dalam Majlis Khatam Al-Quran tersebut ialah ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran setiap seorang.

Majlis diadakan dengan tujuan sebagai salah satu kegiatan persatuan bagi menyambut dan

mengimarahkan bulan Ramadan yang mulia selain memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran di kalangan ahli persatuan dan mendidik ahli-ahli persatuan dari aspek kerohanian.

Di samping itu, ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memupuk perasaan muhibah dalam kalangan ahli persatuan.

WASPADA DENGAN CUACA PANAS, KERING



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



NEGARA Brunei Darussalam mengalami keadaan sedikit berjerebu sejak minggu lalu yang mana keadaan berjerebu berkenaan adalah disebabkan oleh jerebu asap yang diakibatkan oleh kebakaran hutan akibat cuaca panas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mac. - Negara Brunei Darussalam mengalami keadaan sedikit berjerebu sejak minggu lalu yang mana keadaan berjerebu berkenaan adalah disebabkan oleh jerebu asap yang diakibatkan oleh kebakaran hutan akibat cuaca panas.

Secara amnya, pada masa ini negara berada di penghujung fasa kedua Monsun Timur Laut.

Semasa tempoh ini, pada kebiasaannya keadaan atmosfera cenderung lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Sejak 21 Mac yang lalu, NBD telah mengalami cuaca panas

melampau atau biasa dikenali sebagai kejadian gelombang haba pada waktu siang.

Suhu maksimum harian yang telah direkodkan di beberapa kawasan di negara ini telah mencapai sekurang-kurangnya 35°C berturut-turut dalam beberapa hari kebelakangan ini.

Keadaan ini juga disebabkan oleh pengurangan aktiviti turunan hujan yang mana setakat ini jumlah turunan hujan yang direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi bulan Mac 2024 adalah sebanyak 5.6 mm iaitu jauh di bawah jumlah normal sebanyak

143.4 mm.

Bagi minggu terakhir bulan Mac ini, cuaca masih diramalkan panas dan kering, dengan pengurangan jumlah dan aktiviti hujan.

Suhu maksima harian dijangkakan boleh mencecah antara 33°C hingga 36°C.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan akan keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku.

Para pengguna jalan raya terutama sekali pengguna lebuh raya Muara-Tutong menuju ke Daerah Belait dan juga para pelaut

dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu *Brunei WX*, kerana, maklumat, nasihat dan amaran

cuaa dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Catatan suhu maksimum harian bagi kawasan-kawasan di Negara Brunei Darussalam boleh didapati melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram (Brunei Weather).

Manakala, maklumat cuaca terkini boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn dan melalui aplikasi bimbit iaitu *Brunei WX*.

MBCB peduli golongan kurang bernasib baik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Mac. - Pelbagai pihak tidak melepaskan peluang bagi mendapatkan ganjaran pahala pada bulan Ramadan dengan memeduli dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik di negara ini.

Tidak ketinggalan mengadakan aktiviti berkebajikan seumpamanya ialah Mercedes Benz Club Brunei (MBCB) dengan mengendalikan Infak Ihsan Ramadan kepada beberapa orang yang terpilih di Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan diserahkan oleh Setiausaha Agung MBCB, Dayang Indahkesumawati binti Haji Shamsuddin kepada para penerima yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim pada majlis yang diadakan di kediaman masing-masing. Juga menyertai

Berita dan Foto : Ihsan Mercedes BenzClub Brunei

rombongan pada majlis penyerahan sumbangan ialah Presiden Mercedes Benz Club Brunei, Awang Mohammad Dazly bin Haji Mohamed Daud.

Tahun ini merupakan kali ke-3 MBCB mengunyahkahkan Infak Ihsan Ramadan khusus buat ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim dengan

harapan semoga bantuan yang dihulurkan dapat membantu meringankan beban keluarga para penerima sumbangan dalam menyambut ketibaan bulan Syawal dan semoga amalan para penderma akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



SETIAUSAHA Agung MBCB, Dayang Indahkesumawati binti Haji Shamsuddin semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Persiapan Kewangan Untuk Hari Tua'. Tarikh Tutup : 3 April 2024
2. 'Jangan Pandang Ringan Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 10 April 2024
3. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

USAHA, DOA KUNCI KEJAYAAN

BERAKAS, Khamis, 28 Mac. - Dengan kejayaan yang dicapai oleh pemenang-pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah tidak akan terhenti begitu sahaja, akan tetapi menjadi pendorong bagi mereka untuk terus memperkasa hafazan Al-Quran.

Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini yang memenangi bagi Kategori 'E' ketika ditemui baru-baru ini menjelaskan, melihat akan kejayaan-kejayaan orang lain sebelum ini, dari situ terdetik dalam hatinya ingin mencuba dan Alhamdulillah, beliau berjaya mencapai hingga ke tahap ini.

"Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas apa yang diperolehi, semuanya limpah kurnia daripada-Nya serta bersyukur juga kerana Allah Subhanahu Wata'ala memberikan keizinan kepada saya istiqamah dalam membaca dan menghafaz Al-Quran," ujarnya.

Menurutnya, antara yang sering

dilakukan adalah sentiasa konsisten mengulang kaji secara hafalan bagi 30 Juzuk Al-Quran serta membuat sasaran setiap minggu khatam. Bagi anaknya pula, Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri turut berasa gembira dan tidak menyangka menyandang gelaran johan bagi Kategori 'A'.

Beliau menjelaskan, selain mengulang kaji bersama ayahnya, beliau juga sering mengulang kaji bersama ustaz-ustaz serta guru-guru. "Untuk mencapai kejayaan, kita perlu ikhlas serta niat bersungguh-sungguh kerana Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Bagi Dayang 'Alya Fathiyyah binti Haji Abdul Rajid yang memenangi bagi Kategori 'B' turut melahirkan rasa syukur kerana berjaya menyandang gelaran johan sekali lagi buat kali kedua.

Beliau turut mengongsikan, sering membuat hafalan berulang kali terutama sekali pada masa yang terluang. Tambahnya, mulakan hafalan sedikit demi sedikit dan setelah hafal, kuatkan diri untuk

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

AWANG Mohammad Fikri bin Haji Sharbini (kanan); Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri (tengah); dan Dayang 'Alya Fathiyyah binti Haji Abdul Rajid (kanan sekali).



tetap konsisten.


Sementara itu, johan bagi Kategori 'C', Awang Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi pula menjelaskan, antara kunci kejayaannya adalah sentiasa membaca Al-Quran walaupun bukan semasa bertanding. "Alhamdulillah, saya berasa gembira dan tidak menyangka atas kejayaan ini. Saya berharap ingin terus melancarkan lagi hafazan 30 Juzuk Al-Quran," tambahnya.

Memenangi bagi Kategori 'D', Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi berkata, dengan kejayaan yang diperolehi adalah atas kurnia Allah Subhanahu Wata'ala dan juga doa dari kedua ibu bapa serta usaha dalam membalas jasa sekali gus dapat membanggakan mereka.

"Alhamdulillah merasa bersyukur atas kejayaan yang diperolehi dan insyaaAllah akan cuba meneruskan lagi hafazan 30 Juz pula serta meningkatkan lagi usaha untuk menjadi al-hafiz yang hafaz 30 Juzuk Al-Quran," ujarnya.



AWANG Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi (kiri sekali) dan Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi (kiri).



Sistem pendaftaran *online* Aluan dilaksanakan bagi memudahkan penerima

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Sistem pendaftaran *online* Aluan (e-kupon kurnia) yang julung kali diperkenalkan bertujuan untuk memastikan urusan tadbir dan pengurusan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada tahun ini dilaksanakan secara sistematik, teratur, dan efektif.

Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Md. Arif Firdaus Az bin Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, sistem berkenaan disediakan

untuk memudahkan para penerima agar tidak menunggu terlalu lama semasa mendaftar pada majlis penyampaian kurnia berkenaan.

"Alhamdulillah, pelaksanaan sistem berkenaan pada hari pertama majlis ini berjalan dengan lancar sepertimana pihak kami harapkan dan pemantauan akan terus dibuat pada hari-hari seterusnya agar pelaksanaannya mencapai objektif yang telah dihasratkan," katanya kepada Pelita Brunei ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bagi menjayakan sistem berkenaan, beliau memberitahu bahawa ia memerlukan kerjasama para petugas dan semua pihak yang terlibat, selain penyediaan meja-meja teknikal di tempat

pendaftaran bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan teknikal dengan segera.

"Bagi majlis penyampaian kurnia pada tahun ini, banyak meja pendaftaran dibukakan dan para penerima boleh mendaftar di mana-mana meja yang kosong tanpa mengikut kategori memandangkan kami dapat mengesan kategori para penerima dengan mudah melalui sistem ini," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai sistem berkenaan, beliau menjelaskan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang mengandungi pautan bagi akses kepada kupon kurnia termasuk *serial ID* dan kod QR dihantar kepada para penerima melalui telefon bimbit masing-masing.


"Secara asasnya, sistem ini bukan sahaja tertumpu kepada penerima yang mempunyai telefon bimbit malahan bagi penerima yang tidak mempunyai telefon bimbit sendiri dan tidak dapat menerima

SMS, memandangkan maklumat mereka berhubung penggunaan peranti itu juga telah direkodkan dalam sistem tersebut," katanya.

Menjelaskan mengenai salah satu cabaran yang dihadapi menerusi penggunaan sistem berkenaan, Awang Md. Arif Firdaus Az berkata, terdapat para penerima yang tidak dapat dihubungi kerana nombor telefon mereka tidak dikemas kini.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihati orang ramai untuk memberikan nombor telefon yang mudah dihubungi kepada agensi-agensi terbabit bagi tujuan kemas kini dan memudahkan pihaknya menghubungi mereka.

Sistem Aluan disediakan oleh Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, dan dilaksanakan bermula hari ini di keempat-empat daerah pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya



PEGAWAI Tugas-tugas Khas Tingkat II, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Md. Arif Firdaus Az bin Dato Paduka Haji Awang Othman semasa ditemu bual.

Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

MANFAATKAN KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM SEBAIKNYA

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setentunya akan dapat memberikan

manfaat terutama kepada mereka yang memerlukan dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal yang bakal tiba.

'Raja yang berjiwa rakyat', 'raja yang pemeduli' dan 'raja yang penyayang', memaparkan akan keperibadian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemimpin yang adil lagi bijaksana dalam pemerintahannya.

S e m e n j a k pemerintahan baginda, pelbagai usaha telah pun dilaksanakan dalam mengutamakan

AWANG Mohamad Erawandi bin Haji Ismail bersama anaknya, Awang Muhamad Aisy Waie bin Mohamad Erawandi (kiri); dan Awang Kusnady bin Halawi (kiri sekali).



DARI kiri.. Dayang Saidatul Rafidah binti Haji Sijom bersama anaknya, Dayang Kaiyisah binti Kamalrulzaman; Awang Muhammad Hafiy Wazien bin Zamhari; Dayang Nurbadriah binti Mat Sidek; dan Dayang Delisa Al Syifaa binti Abdullah.

kesejahteraan dan kebajikan setiap lapisan rakyat jelata dan penduduk-penduduknya.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan membuat pendekatan bersama beberapa orang penerima pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada golongan tertentu bagi Daerah Brunei dan Muara bersempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024

Masihi yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Menurut Dayang Saidatul Rafidah binti Haji Sijom, berumur 41 tahun, menetap di Kampung Tumasek, di mana beliau menemani anaknya, Dayang Kaiyisah binti Kamalrulzaman sebagai penerima Golongan Orang-orang Berkeperluan Khas menjelaskan kurnia peribadi ini akan dijadikan simpanan bagi keperluan anak beliau seperti belanja perawatan

memandangkan anak beliau masih lagi menjalani perawatan ketika ini.

"Alhamdulillah, selain belanja perawatan, kurnia peribadi ini juga dapat membantu dari segi membeli barang-barang keperluan kesihatan anak saya termasuk lampin pakai buang dan kegunaan untuk hari-hari kecemasan terutama berkait dengan kesihatan beliau," jelas Dayang Saidatul Rafidah binti Haji Sijom.

>> Muka 30

Junjung kasih atas kurnia peribadi Kebawah DYMM

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



AWANG Muhd. Asyraf Arsyad bin Abdullah Ahmad Asrul dan Dayang Nurul Nadhirah binti Morsidi.

TUTONG, Rabu, 27 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan kepimpinan baginda yang sentiasa ingin melihat kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan bantuan sentiasa diberi perhatian.

Pengurniaan kurnia berkenaan setentunya dapat meringankan beban, terutama mereka yang memerlukan bantuan dalam turut sama meraikan Aidilfitri yang bakal

menjelma.

Semasa Pelita Brunei menemui beberapa orang penerima kurnia berkenaan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, di sini, rata-rata mereka merafakkan rasa kesyukuran dan merasa gembira atas pengurniaan berkenaan.

Penerima di bawah Perkhidmatan Kebajikan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Awang Md. Jin bin Haji Japar dari Kampung Kupang menjelaskan, tahun ini merupakan kali pertama menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Md. Jin, 60 tahun, menambah, kurnia berkenaan akan digunakan untuk membeli mesin

AWANG Muhammad Azril bin Abdullah Ayeh @ Lampas anak Ayeh.



perubatan dan keperluan kesihatan yang lain seperti tangki oksigen.

Beliau juga tidak lupa untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana mengambil berat tentang golongan-golongan tertentu khususnya golongan yang cacat penglihatan, anak-anak yatim dan sebagainya.

Sementara itu, Dayang Nurul Nadhirah binti Morsidi dari Kampung Bukit Beruang yang mewakili anaknya, iaitu penerima di bawah Kategori Anak Yatim, Awang Muhd. Asyraf Arsyad bin Abdullah Ahmad Asrul, 16 tahun, menjelaskan, kurnia peribadi berkenaan separuh akan digunakan untuk perbelanjaan Hari Raya dan separuh lagi akan digunakan untuk pembelian barang-barang persekolahan.

Di kesempatan itu, beliau turut menyampaikan rasa syukur ke hadapan majlis baginda atas pengurniaan berkenaan kepada anak-anak yatim dan golongan orang yang berkeperluan khas.

"Semoga Kebawah DYMM akan diberikan usia yang panjang dan baginda serta kerabat diraja yang lain akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Bagi penerima bantuan kebajikan bulanan, Awang Muhammad Azril bin Abdullah Ayeh @ Lampas anak Ayeh, 51 tahun, turut berasa gembira dan terharu atas penganugerahan kurnia peribadi Kebawah DYMM ini.

Awang Muhammad Azril dari Kampung Bukit Sulang, Lamunin, seterusnya menjelaskan, kurnia berkenaan akan digunakan untuk kegunaan peribadi, dan perbelanjaan menjelang Hari Raya yang akan tiba nanti.

Selain itu, beliau juga turut melahirkan rasa bersyukur atas sikap pemedulian pihak kerajaan terhadap golongan yang memerlukan dan beliau juga tidak lupa mendoakan s e m o g a K e b a w a h D Y M M berserta kerabat diraja sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Manakala, bagi Dayang Norajalinah binti Awang Anak yang mewakili anaknya, iaitu penerima di bawah Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU), Dayang Nur Darina @ Nurin binti Muhd Darin, 22 tahun, menyampaikan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas penganugerahan kurnia peribadi baginda.

Dayang Norajalinah dari Kampung

DAYANG Norajalinah binti Awang Anak (kiri) dan Awang Md. Jin bin Haji Japar (kanan).

Kupang seterusnya mengongsikan, kurnia berkenaan akan digunakan untuk perbelanjaan Hari Raya dan juga keperluan-keperluan harian yang lain termasuk pembelian lampin dan sebagainya.



سورھنجاي ڦر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / ketetapan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skim iklan)

Bagi Taklimat WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Bagi media sosial PSC.BN

KURNIA PERIBADI DAPAT RINGKANKAN PERBELANJAAN HARIAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



DAYANG Rafidah binti Sallehan dan Dayang Maizatul Zuraidah binti Abdullah.

BELAIT, Rabu, 27 Mac. - Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu bermakna kepada para penerima khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri

yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Pemberian kurnia peribadi berkenaan juga berupaya untuk menampung perbelanjaan sehari-hari mereka selain daripada sebagai simpanan untuk kegunaan yang lain.

Pelita Brunei sempat membuat pendekatan bersama beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu Bagi Daerah Belait sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Pusat Insani.

Dayang Ariah binti Entigu, 69 tahun, yang menetap di Kampung Mumong sebagai penerima Golongan Penerima Wang Zakat dari Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang

Maha Mulia atas kurnia peribadi baginda yang dapat meringankan perbelanjaan hariannya.

Menurutnya, kurnia berkenaan akan digunakan dengan sebaik-baiknya terutama dalam membeli barang-barang keperluan yang tertentu bagi persiapan menyambut hari raya yang bakal tiba.

Sementara itu, bagi Dayang Cahaya Afia Afifah binti Mohamad Nor Hafiz, 10 tahun pula menjelaskan, sebagai penerima Golongan Anak Yatim bersama seorang abangnya turut melahirkan rasa syukur atas kurnia peribadi berkenaan.

Beliau yang menetap di Kampung Lumut berkenaan seterusnya berkata, akan membelanjakan kurnia peribadi yang diberikan kepada apa yang penting sahaja dan seterusnya menyimpan selebihnya untuk digunakan di kemudian hari.

"Kami gembira kerana mempunyai raja yang sangat prihatin dan bermurah hati dalam membantu rakyat dan penduduknya," ujarnya.

Manakala, Dayang Rafidah binti Sallehan, iaitu merupakan ibu kepada penerima Golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Dayang Maizatul Zuraidah binti Abdullah, 12 tahun, melahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana tahun ini adalah merupakan kali ke-12 anak

beliau menerima kurnia peribadi berkenaan.

Menetap di Kampung Sungai Teraban, beliau mewakili anaknya melahirkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia berkenaan yang sudah setentunya sedikit sebanyak akan dapat membantu anaknya menikmati Aidilfitri dalam suasana yang sederhana namun tetap meriah.

Bagi salah seorang penerima Golongan Bantuan Kebajikan Bulanan, Awang Abdul Majiid Al Amin bin Mohd. Yamin, 6 tahun, bersama ibunya, Dayang Diska Elfira dari Kampung Sungai Tali juga berasa bersyukur atas kurnia peribadi daripada Kebawah DYMM.

Dayang Diska Elfira menjelaskan, Kebawah DYMM merupakan seorang raja yang sungguh prihatin serta sentiasa mengambil berat terhadap orang-orang yang memerlukan bantuan di negara ini. Mereka sekeluarga

DAYANG Cahaya Afia Afifah binti Mohamad Nor Hafiz (kanan) dan Awang Abdul Majiid Al Amin bin Mohd. Yamin (kanan sekali).



DAYANG Ariah binti Entigu.

juga memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia peribadi Kebawah DYMM dan mendoakan agar baginda sentiasa sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Penerima kurnia merafakkan rasa syukur

Oleh: Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TEMBURONG, Rabu, 27 Mac. - Dalam mencerminkan manifestasi kepimpinan baginda, yang sentiasa ingin melihat kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya, dalam kalangan golongan tertentu, hari ini, diadakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi secara serentak di seluruh

negara. Bagi Daerah Temburong majlis diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Kemasyarakatan Mukim Bangar.

Dalam temu bual bersama wakil Pelita Brunei, Dayang Salehzah binti Aji dari Kampung Menengah yang mewakili suami beliau, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Md. Salleh bagi penerima bantuan di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), menzahirkan rasa junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia yang diberikan yang sekali gus dapat membantu meringankan perbelanjaan harian keluarga mereka lebih-lebih lagi dengan kedatangan bulan Syawal yang bakal menjelang tiba.

Bagi salah seorang penerima

anak yatim, Dayang Nurul Amal Syahirah binti Md. Seruji dari Kampung Puni yang menuntut di Sekolah Rendah Puni dalam Tahun 6 turut melahirkan ucapan setinggi junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia yang diberikan.

"Dengan adanya kurnia dari Kebawah DYMM ini, dapat menampung perbelanjaan harian keluarga kami di samping juga dapat membantu keperluan persekolahan saya dan menabung untuk keperluan masa depan," ujar anak bongsu daripada empat adik-beradik ini.

Manakala, Dayang Joanna binti Labih dari Kampung Selapon yang ketika itu menemani nenek beliau, Awang Apoi bin Riong, 94 tahun, merupakan salah seorang penerima bantuan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menjelaskan, tahun ini merupakan kali kedua nenek

beliau menerima bantuan kurnia peribadi Kebawah DYMM dan mereka sekeluarga melahirkan rasa syukur dan terima kasih atas kurnia bantuan berkenaan yang sudah setentunya dapat meringankan keperluan seharian nenek beliau.

Puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala juga turut dilahirkan oleh Dayang Jemelia binti Budin dari Kampung Rataie, salah seorang penerima bagi ibu tunggal dan dua anak beliau adalah penerima bagi anak yatim buat kali keempat pada tahun ini.

"Dengan adanya bantuan ini alhamdulillah dapat menampung meringankan perbelanjaan harian kami sekeluarga dan anak-anak, lebih-lebih lagi dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, dan selain itu juga dapat membantu keperluan persekolahan untuk anak-anak saya," ujar beliau lagi.

"DENGAN adanya bantuan ini alhamdulillah dapat menampung meringankan perbelanjaan harian kami sekeluarga dan anak-anak, lebih-lebih lagi dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, dan selain itu juga dapat membantu keperluan persekolahan untuk anak-anak saya," ujar beliau lagi.



DAYANG Joanna binti Labih.



DAYANG Nurul Amal Syahirah binti Md. Seruji dari Kampung Puni.



DAYANG Salehzah binti Aji (kiri) dan Dayang Jemelia binti Budin (kanan).



Bersedekah di bulan Ramadan raih 'bonus khas'

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

RAMADAN adalah sebaik-baik bulan untuk merebut dan meraih 'bonus khas' yang tidak terdapat dalam bulan lain ianya juga bulan utama yang ditunggu-tunggu oleh Muslimin dan Muslimat setiap tahun dalam putaran kalender Hijrah "Bulan Ramadan, permulaannya rahmat (rahmah), pertengahannya adalah pengampunan (maghfirah) dan penghujungnya adalah pembebasan dari neraka." Ada satu malam di bulan Ramadan yang lebih baik dari seribu bulan iaitu Malam Lailatul Qadar.

Di sepanjang bulan Ramadan juga umat Islam akan lebih banyak bersedekah. Tidak kiralah menderma di masjid, secara online atau di mana sahaja, kita akan dapat lihat ibadah sedekah ini amat rancak. Kutipan derma di masjid-masjid akan meningkat. Aktiviti tajaan iftar begitu hangat seperti goreng pisang panas. Justeru, amat wajar umat Islam menyediakan bajet khusus untuk bersedekah seperti memberi sumbangan makanan kepada orang puasa bahkan kepada anak-anak yatim.

Ini menunjukkan masyarakat kita terutama umat Islam sangat teruja untuk melakukan sedekah pada bulan Ramadan. Tapi kenapa? Kenapa kita lihat seperti umat Islam seakan berpesta sedekah pada bulan Ramadan berbanding pada bulan lain?

Sebagaimana sabda Nabi Muhammad

Shallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Siapa yang memberi makan orang yang berpuasa maka baginya pahala seumpamanya tanpa sedikit pun kurang pahala orang berpuasa." (Riwayat Ahmad, al-Tarmizi dan al-Baihaqi)

Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sedekah dapat menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api." (HR. Tirmidzi, disahihkan Al-Albani dalam Shahih At-Tirmidzi, 614)

Kita hendaklah mengambil peluang dengan menyediakan juadah berbuka puasa untuk jiran tetangga, rakan sekerja dan juga kepada mereka yang tidak berkemampuan serta kepada anak-anak yatim. Usaha ini juga boleh diperluaskan dengan memberi sumbangan kewangan kepada kaum kerabat dan masyarakat setempat yang miskin dan kesusahan di sepanjang Ramadan ini. Begitu juga kepada pihak masjid dan surau yang memerlukan dana untuk makanan berbuka kepada jemaah golongan yang bermusafir.

Pendek kata peluang untuk meraih ganjaran ini terbuka luas di depan mata, tinggal lagi bersedekah kita untuk melakukannya. Perlu juga diingat untuk bersedekah tidak semestinya banyak atau sudah berstatus kaya-raya. Setiap Muslim boleh bersedekah mengikut kemampuan masing-masing. Apa yang penting ia dibuat dengan niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala supaya diterima amalan yang dilakukan.

Pernah suatu ketika sahabat yang miskin mengadu kepada Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam mengenai orang kaya boleh melakukan segala aktiviti ibadah dan berpeluang pula bersedekah dengan harta dimiliki. Dalam sebuah riwayat Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam menyatakan bersedekahlah walau dengan sebiju tamar.

Selain daripada itu, peluang untuk melakukan infak pada Ramadan amat terbuka luas seperti bersedekah atau membuat derma kepada warga yang memerlukan. Begitu juga terdapat tabung untuk pembinaan masjid di seluruh negara yang sangat mengharapkan derma masyarakat. Malah terdapat pula pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan kebajikan tertentu yang memohon sumbangan bakul makanan untuk diagihkan kepada saudara miskin di dunia Islam secara amnya.

Justeru ternyata peluang bersedekah sangat luas jika kita mahu berbuat demikian.

Dalam pada itu diingatkan juga supaya setiap Muslim tidak lupa untuk membayar zakat fitrah yang diwajibkan kepada setiap orang Islam merdeka dan mampu mengeluarkannya untuk diri sendiri dan orang yang berada di bawah tanggungannya.

Disebutkan dalam riwayat bahawa zakat fitrah di dalam Ramadan sama seperti sujud sahwi di dalam solat yang menampung kekurangan berpuasa sebagaimana sujud sahwi menampung kekurangan dalam

sembahyang. Ia juga tindakan mulia yang dapat membantu fakir dan miskin untuk sama-sama bergembira di Aidilfitri.

Justeru, bersihkanlah sifat bakhil dan kedekut yang merupakan sifat mazmumah menjelang Ramadan kali ini. Contohi akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang banyak bersedekah ketika Ramadan sehingga diibaratkan seperti angin yang sentiasa bertiup.

Semoga Ramadan kali ini lebih berkualiti berbanding sebelumnya dengan berazam untuk berpuasa sempurna di samping melakukan segala ketaatan untuk memperoleh keampunan daripada-Nya.

Kita sebagai hamba Allah tidak seharusnya rasa bongkak dan takbur dengan harta yang diberi oleh Allah. Dengan bersedekah, kita dapat mengikis sifat-sifat itu. Oleh kerana itu, Allah akan menyayangi mereka yang mempunyai hati yang sentiasa bersyukur dan rendah hati.

Tambahan pula bulan Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan. Allah akan mendorong setiap hati-hati yang ingin kepada kebaikan ke arah yang lebih baik.

Sebenarnya, ada banyak lagi kelebihan bersedekah. Jadi, marilah sama-sama kita merebut peluang untuk memperbanyakkan sedekah pada bulan yang penuh kemuliaan ini. InsyaaAllah, setiap duit yang kita sedekahkan akan dibalas dengan berlipat kali ganda oleh Allah sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.





Lailatulqadar, malam lebih baik dari seribu bulan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Jabatan Penerangan

LAILATULQADAR adalah satu malam yang istimewa, yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala bagi memuliakan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana anugerah ini tidak pernah diberikan kepada umat-umat yang sebelumnya.

Pada malam Lailatulqadar, Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa-dosa hamba-Nya yang beribadah kepada-Nya dengan penuh keimanan kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah memperbanyak dan melipatgandakan ibadah dan amal kebajikan bagi merebut kelebihan dan keuntungan yang tidak ternilai harganya itu.

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Barang siapa yang menegakkan Lailatulqadar (mengisi dengan ibadah) kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya darinya) maka akan diampuni dosa-dosa yang telah lalu, dan barang siapa yang*

berpuasa Ramadan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya darinya) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."

Sesungguhnya, malam Lailatulqadar itu tidak dapat ditentukan saat dan waktunya kerana ia adalah perkara rahsia yang hanya diketahui oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Hikmahnya adalah supaya kita tekun berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk beribadah dan membuat amal kebajikan pada setiap malam di bulan Ramadan dan tidak akan hanya beribadah pada malam-malam yang tertentu sahaja.

Meskipun waktunya tidak diketahui, namun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjelaskan dalam hadis Baginda untuk mencari Lailatulqadar itu pada 10 hari yang terakhir di bulan Ramadan dan pada tiap-tiap malam yang ganjil.

Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Siapa yang ingin mencari (Lailatulqadar), maka hendaklah ia mencarinya pada 10 akhir Ramadan"*. (Hadis

Riwayat Imam Muslim).

Pada malam yang sangat istimewa ini, Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan keberkatan, kerahmatan, keampunan dan kemuliaan kepada hamba-hamba-Nya yang beribadah dengan penuh khusyuk, ikhlas dan mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut pendapat yang sahih, malam atau masa Lailatulqadar adalah pada malam-malam ganjil di 10 hari terakhir di bulan Ramadan. Pada kebiasaannya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebaik sahaja memasuki malam ke-21 Ramadan, Baginda melakukan beberapa amalan seperti menghidupkan malam tersebut dengan beribadah, membangunkan ahli keluarga Baginda untuk bersembahyang, ber'tikaf di dalam masjid dan mandi antara Maghrib dan Isyak serta memakai pakaian yang bersih.

Antara alamat atau tanda-tanda berlakunya Lailatulqadar ialah terjadinya keheningan dan terang tanpa suara yang kedengaran. Malam tersebut tidak panas dan tidak pula sejuk (sederhana), dan angin tidak bertiup. Segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi sujud kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada pagi harinya cahaya matahari lembut dan teduh.

Bagi orang yang menjumpai Lailatulqadar, dia akan terasa meremang bulu roma dan kedua belah matanya berair. Jika seseorang ditakdirkan bertemu dengan malam tersebut maka hendaklah memohon doa minta diselamatkan di dunia dan di akhirat.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Termizi, daripada Aisyah Radiallahuanha katanya : *"Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Wahai Rasulullah! Bagaimana jika aku mengetahui akan malam Lailatulqadar itu dengan tepat, apakah doa yang patut aku baca? Baginda menjawab : Katakanlah oleh mu : Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai kemaafan, oleh kerana itu maafkanlah aku."*

Memandangkan betapa besarnya ganjaran Lailatulqadar, maka rebutlah peluang untuk meningkatkan lagi amal ibadah terutama sekali di 10 malam terakhir di bulan Ramadan. Lailatulqadar yang datang hanya sekali dalam setahun sewajarnya kita manfaatkan dengan meningkatkan amal ibadah di dalamnya. Semoga segala amal ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.



KETIDAKPATUHAN KAWALAN HARGA : SEBUAH SYARIKAT DIDENDA

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan satu kompaun berjumlah BND500 kepada Syarikat Saisha Trading Company Sdn. Bhd. di Daerah Belait kerana menjual beberapa jenama susu tepung formula melebihi harga maksimum yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

JPES juga telah mengeluarkan 10 Notis Amaran sepanjang bulan Januari dan Februari 2024 kerana ketidakpatuhan para peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Ketidakpatuhan yang didapati termasuk menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi minyak masak dan susu tepung formula, mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran dan kegagalan memaklumkan

mengenai aktiviti jualan murah.

Para peniaga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Ini juga termasuk kawalan harga secara sementara iaitu Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) ke atas barangan makanan terpilih sepanjang bulan Ramadan hingga minggu pertama bulan Syawal 1445 Hijrah, yang dihasrat untuk mengekalkan kemampuan dan kemudahan pengguna untuk memperoleh keperluan semasa musim perayaan.

Sebarang ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan. Bagi kesalahan pertama di bawah kategori kesalahan yang sama, Notis Amaran akan dikeluarkan.

Bagi kesalahan seterusnya di bawah kategori kesalahan yang sama, boleh dikenakan kompaun secara berperingkat mengikut kekerapan kesalahan dilakukan,

dengan jumlah tidak melebihi BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Jika masih didapati melakukan kesalahan berulang, boleh dikenakan denda maksimum BND20,000 dan penjara lima tahun oleh Mahkamah di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Para peniaga juga disarankan untuk sentiasa mengamalkan persaingan yang sihat dengan menawarkan harga yang kompetitif di bawah harga maksimum yang ditetapkan. Senarai harga maksimum boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

Aduan mengenai barangan yang dikawal harga boleh disalurkan kepada JPES melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran atau gambar sebagai bukti, bagi penilaian lanjut. Aduan juga boleh disalurkan melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.



PARA peniaga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Operasi pastikan Perintah Pekerjaan dipatuhi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 57 / 2024 pada 16 Mac 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan kawasan Kampung

Masin mendapati empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu Bab 10 majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 44 membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan, Bab 71 gagal memberikan cuti tahunan dan Bab 112(2) kesalahan melanggar syarat lesen pengambilan pekerja

asing iaitu jawatan Supervisor dan General Labour melakukan kerja-kerja mengeluarkan *invoice*.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan

ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 57 / 2024 pada 16 Mac 2024.

Penutupan sementara Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

Siaran Akhbar : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara

Hassanal Bolkiah ditutup sementara bagi memberi laluan kerja-kerja pembaikan lantai arena sukan bermula 22 April 2024 hingga 21 Ogos 2024 (tertakluk pada kerja-kerja selesai dijalankan).

Manfaatkan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM sebaiknya

>> Muka 26

Manakala bagi Awang Muhammad Hafiz Wazien bin Zamhari, berumur 10 tahun, sebagai penerima Golongan Anak-anak Yatim berkata bahawa Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini akan dapat membantu beliau untuk membeli keperluan Hari Raya. "Saya akan menggunakan kurnia ini untuk membeli kasut dan baju raya," jelasnya.

Menurut Awang Mohamad Erawandi bin Haji Ismail, iaitu ayah kepada Awang Muhammad Aisy Waie bin Mohamad Erawandi, penerima daripada Golongan Orang-orang Berkeperluan Khas menjelaskan bahawa kurnia yang diberikan akan digunakan untuk membeli barang-barang keperluan anak beliau khususnya dalam persediaan untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri ini.

Malah setentunya, tambah Awang Mohamad Erawandi mewakili anak beliau, selebihnya akan disimpan ke dalam tabung bagi kegunaan pada hari kemudian.

Selain itu, pihak media juga berkesempatan menemui bual Dayang Delisa Al Syifaa binti Abdullah, berumur 11 tahun, yang menetap di Kampung Tungku, kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini setentunya akan meringankan perbelanjaan dan membeli keperluan hariannya, selain ia akan digunakan untuk keperluan meraikan

Hari Raya Aidilfitri yang tidak lama lagi.

Sementara itu, Dayang Nurbadriah binti Mat Sidek, berumur 15 tahun berkata bahawa kurnia tersebut akan digunakan dengan sebaik-baiknya terutama dalam membeli barang-barang keperluan sekolah dan dalam masa yang sama, turut meringankan lagi beban keluarga apatah lagi Hari Raya Aidilfitri akan menjelang tiba tidak lama lagi.

Awang Kusnady bin Halawi, berumur 40 tahun dari Kampung Rimba pula menyatakan bahawa dengan adanya pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM ini, ia akan digunakan sebaiknya terutama sekali bagi keperluan ahli keluarga dalam perbelanjaan harian dan seterusnya sama-sama meraikan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Setentunya, Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini memberi makna yang sangat berharga kepada rakyat dan penduduknya, khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal.

Malah apa yang paling penting, pada akhir temu bual, kesemua yang ditemui, menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan kurnia peribadi baginda ini dan merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mendoakan semoga Kebawah DYMM berserta kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat dan akan memanfaatkan pengurniaan tersebut dengan sebaiknya.

MISI SULUNG EKSPEDISI SAINTIFIK CHINA-INDONESIA LAKAR KEJAYAAN



SANYA, 29 Mac. - Kapal penyelidikan saintifik China 'Tansuo-1' yang membawa kenderaan selam laut dalam bermanusia 'Fendouzhe' selamat kembali ke Sanya, selatan China selepas berjaya menyelesaikan misi ekspedisi saintifik bersama

China-Indonesia yang kali pertama dijalankan di Java Trench, pada Khamis. Kapal Tansuo-1 berlepas dari Sanya pada 8 Februari dan membawa anggota penyelidik dari 11 institusi penyelidikan kedua-dua negara.

Antaranya termasuk Agensi Penyelidikan dan Inovasi Nasional Indonesia, Universiti Halu Oleo Indonesia, Universiti Jiao Tong Shanghai, Universiti Laut Tropika Hainan dan lain-lain. Fendouzhe berjaya menamatkan 22 misi menyelam di Java Trench,

Lautan Hindi, antaranya 14 kali menyelam ke kawasan sedalam 6,000 meter. Sementara itu, misi menyelam ke kawasan sedalam 7,180.4 meter yang dikendalikan bersama ketua saintis China dan Indonesia sekali gus mencipta rekod penyelaman

paling dalam bagi Indonesia. Ekspedisi saintifik bersama China-Indonesia kali ini dianggap membuka bab baharu bagi kerjasama maritim antara China dan Indonesia. - ©BERNAMA

Uganda lancar bank Islam pertama

KAMPALA (Uganda), 28 Mac. - Presiden Uganda Yoweri Museveni pada Rabu melancarkan operasi bank komersial Islam pertama di negara itu, yang beroperasi

mengikut prinsip Islam dan tanpa faedah. Presiden Museveni pada majlis pelancaran Salaam Bank di ibu negara Kampala berkata perbankan

Islam berpotensi menyumbang secara ketara kepada pembangunan sektor kewangan Uganda dan menarik lebih ramai umat Islam untuk melabur dalam ekonomi negara. Beliau berkata kerajaan tidak percaya pada diskriminasi dan semua rakyat Uganda dilayan secara sama rata tanpa mengira agama atau kumpulan etnik, sambil menambah pendekatan berkenaan telah membolehkan negara itu membangun dari segi sosial dan ekonomi. "Saya menggalakkan anda untuk memerangi kemiskinan dan mencipta kekayaan," katanya, lapor Agensi

Anadolu. Mengulas lanjut, Museveni memberi contoh terdapat pihak membantah rancangan penubuhan Universiti Islam Uganda pada peringkat awal namun beliau menegaskan institusi pendidikan itu perlu dibenarkan beroperasi. "Sekarang, ia telah melahirkan ramai siswazah dalam pelbagai bidang, termasuk mereka yang bukan Muslim. Apabila mereka memberitahu saya mengenai perbankan Islam, saya kata saya tidak ada masalah dengannya. Saya kata kita harus biarkan mereka (institusi perbankan) beroperasi dan

itulah sebabnya kita kini mempunyai Salaam Bank," katanya. Pada September tahun lepas, Bank of Uganda memberikan lesen perbankan Islam pertamanya kepada Salaam Bank Uganda, anak syarikat bank yang berpangkalan di Djibouti selepas parlimen meluluskan rang undang-undang yang membenarkan perbankan Islam, yang ditandatangani Museveni menjadi undang-undang. Menurut S&P Global Ratings, industri kewangan Islam global dijangka berkembang sekitar 10 peratus pada 2023-2024. - ©BERNAMA

14 maut selepas Siklon Gamane badai Madagascar

ANTANANARIVO (Madagascar), 29 Mac. - Empat belas orang maut dan tiga yang lain cedera selepas taufan tropika Gamane membadai Madagascar, dengan tiga lagi masih hilang, menurut pihak berkuasa meteorologi Madagascar pada Khamis, lapor Xinhua. Gamane mendarat di hujung utara Madagascar pada pagi Rabu, dengan angin purata 150km sejam dan angin kencang lebih daripada 210km sejam, disertai hujan lebat, menurut Pejabat Kebangsaan Pengurusan Risiko dan Bencana (BNGRC) Madagascar. Seramai 36,307 orang termasuk 9,024 isi rumah terjejas oleh siklon itu yang memusnahkan tujuh wilayah di negara itu. Kira-kira 18,565 orang atau 4,849 isi rumah diarah berpindah dan mendapatkan perlindungan di 68 lokasi kecemasan yang diwujudkan di pelbagai lokaliti. Banjir yang menyusul menyebabkan kerosakan besar, menenggelamkan 6,675 rumah dan hampir 1,698 sawah manakala 617 kediaman musnah, menurut BNGRC. - ©BERNAMA

CMG lancar produk media buatan AI

BOAO, 28 Mac. - Kumpulan Media China (CMG) melancarkan beberapa program yang dihasilkan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) sempena Forum Asia Boao (BFA) pada Rabu. Pada majlis itu warga media dari 26 negara berpeluang menyaksikan pelancaran program penuh imaginasi yang menggambarkan kecemerlangan budaya China. AI turut menjadi topik perbincangan hangat dalam kalangan peserta forum Boao edisi kali ini. Oleh itu, pihak penganjur BFA mengadakan beberapa sesi perbincangan mengenai revolusi sains dan teknologi, AIGC dan tadbir urus global AI yang telah menarik perhatian banyak pihak. - ©BERNAMA

Kru Shenzhou-17 berjaya selesai pelbagai misi

BEIJING, 27 Mac - Sepanjang lima bulan berada di ruang angkasa, kru angkasawan Shenzhou-17 berjaya melaksanakan pelbagai misi antaranya pertukaran syif dengan kru Shenzhou-16 dan pemeliharaan platform stesen ruang angkasa. Turut dikenali sebagai "kru termuda dalam sejarah" China, ketiga-tiga angkasawan itu turut berjaya menyelesaikan misi penjaminan kehidupan dan kesihatan, ujian terhadap sut angkasawan luar kenderaan, ujian terhadap kapal kargo Tianzhou-6 dan aktiviti luar kenderaan (EVA). Mereka juga telah menjalani latihan penggunaan lengan mekanikal, latihan penyelamatan kecemasan, latihan perubatan dan lain-lain. Selain itu, kru Shenzhou-17 berkoordinasi dengan penyelidik di Bumi dan berhasil menyelesaikan misi penghantaran pulang sebanyak 407 sampel dari luar kabin pada 14 Mac lepas. Kru Shenzhou-17 dijadual kembali ke Bumi pada April. - ©BERNAMA

Pihak berkuasa pelabuhan Singapura siasat insiden jambatan di Baltimore runtuh

SINGAPURA, 28 Mac. - Penguasa Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA) akan menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran keperluan berkanun yang berkaitan di bawah Akta Perkapalan Saudagar 1995 susulan insiden Jambatan Francis Scott Key di Baltimore, Maryland runtuh. MPA dalam satu kenyataan berkata siasatan akan dijalankan sebagai sebahagian daripada kewajipan ke atas Dali, kapal kontena didaftarkan di Singapura yang melanggar tiang jambatan berusia beberapa dekad itu. "MPA, sebagai badan pentadbir di bawah bendera Singapura, mengambil tanggungjawabnya terhadap keselamatan kapal yang

berdaftar di negara ini dengan serius. "Ia bekerjasama dengan lapan pertubuhan pengelasan antarabangsa untuk meninjau, memeriksa dan memastikan kapal didaftarkan di Singapura mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkenaan," katanya. Agensi itu berkata ia akan terus bekerjasama dengan syarikat pengurusan kapal Synergy Marine Pte Ltd untuk memudahkan pertukaran maklumat bagi membantu Pengawal Pantai AS dalam siasatannya. "MPA juga telah meminta pertubuhan pengelasan kapal, ClassNK untuk menyediakan penilaian teknikal dan pengiraan kestabilan, yang merupakan

parameter penting untuk membantu Pengawal Pantai AS dalam perancangan dan pelaksanaan selamat operasi menyelamatkan kapal itu," katanya. MPA berkata ia akan terus bekerjasama dengan syarikat pengurusan kapal untuk memastikan kebajikan kru kapal Dali terjaga dan syarikat itu bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan. Sementara itu, MPA berkata Biro Siasatan Keselamatan Pengangkutan (TSIB) akan melakukan siasatan keselamatan marin secara bebas untuk mengenal pasti pengajaran yang dapat mengelakkan kemalangan dan insiden marin pada masa akan datang. - ©BERNAMA

Presiden Xi adakan pertemuan dengan wakil perniagaan, strategik dan akademik AS

BEIJING, 28 Mac. - Presiden China Xi Jinping menerima kunjungan delegasi wakil dalam kalangan ahli perniagaan, strategik dan akademik Amerika Syarikat (AS) di sini pada Rabu. Xi berkata hubungan China-AS antara hubungan dua hala yang paling penting di dunia. "Sama ada menjalin kerjasama atau wujudnya konfrontasi ia berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat kedua-dua negara dan nasib seluruh umat manusia. Kejayaan masing-masing juga merupakan peluang antara satu sama lain. "Asalkan China dan AS memandang satu sama lain sebagai rakan, saling menghormati, hidup bersama secara damai dan bekerjasama saling untung maka hubungan China-AS pasti akan lebih baik," kata Xi. Bersempena ulang tahun ke-45 ikatan diplomatik China-AS pada tahun ini, Xi berharap tokoh-tokoh dan semua pihak yang berkepentingan dapat mengadakan pertukaran lawatan dan pandangan,

meningkatkan kepercayaan, memperkasakan kerjasama yang saling menguntungkan demi memberikan lebih banyak kesejahteraan rakyat dan menyumbang kepada kestabilan dunia. "Pertumbuhan ekonomi China adalah sihat dan lestari. Negara ini menyumbang lebih 30 peratus kepada pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun lepas. "China akan terus menggalakkan pembangunan bermutu tinggi dan modenisasi ala China. Ia diyakini dapat meningkatkan taraf hidup rakyat China, sekali gus menyumbang kepada pembangunan mampan dunia," kata Xi. Beliau juga mengalu-alukan lebih banyak syarikat asing termasuk syarikat AS menyertai pembinaan bersama Inisiatif Jalur & Laluan (BRI) dan meneroka pasaran di negara ini. Presiden Xi berkata konsensus yang dicapai beliau dengan Presiden Biden semasa pertemuan di San Francisco pada tahun lepas

memperlihatkan bahawa hubungan China-AS harus diperbaiki dan menjadi lebih mantap. "Dalam beberapa bulan lepas, kedua-dua pihak telah mengadakan komunikasi dan perbincangan lanjut mengenai konsensus itu dan mencapai hasil dalam politik, hubungan luar, ekonomi, perdagangan, penguatkuasaan, pencegahan dadah, perubahan iklim dan lain-lain," kata Xi. Wakil-wakil dari AS menyatakan, China mencapai pertumbuhan dan transformasi yang cemerlang dalam beberapa dekad lalu, sekali gus menyaksikan daya tahan dan kekuatan kedinamikan. Mereka menyokong kedua-dua negara meningkatkan pertukaran lawatan dalam pelbagai peringkat, meningkatkan persefahaman, kepercayaan, kerjasama selain menggembelng tenaga untuk menangani cabaran global serta membina hubungan China-AS yang stabil, mantap dan berhasil. - ©BERNAMA



IMAGINE, OMG AKAN ANJURKAN FIESTA BOLA SEPAK

■ Siaran Akhbar dan Foto : Imagine Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Mac. - Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) menandatangani perjanjian perkongsian strategik dengan Oceanus Media Group (OMG) yang diwakili oleh AP Media Asia (Singapura) untuk menganjurkan Fiesta Bola Sepak Imagine di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkongsian berkenaan bertujuan untuk memupuk semangat setia kawan dan mempromosi semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat, serta mempamerkan bakat dan semangat sukan bola sepak di NBD.

Fiesta Bola Sepak Imagine akan menghimpunkan peminat bola sepak, keluarga dan komuniti untuk sama-sama menyokong acara sukan berkenaan dalam suasana yang penuh semangat.

Dijadualkan berlangsung di

Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 30 April 2024, perlawanan berkenaan bakal menjanjikan pengalaman yang mendebarakan buat penonton dan peserta yang dibintangi oleh legenda Liga Perdana Inggeris seperti Luis Garcia, Partik Berger, Emile Heskey, Vladimir Smicer dan ramai lagi.

Dengan Imagine dan OMG bergabung tenaga, acara berkenaan akan menetapkan penanda aras untuk kerjasama masa hadapan di rantau ini.

Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Allen On dalam kapasitinya sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine menjelaskan bahawa kerjasama antara Imagine dan OMG, mengatur peningkatan besar.

Menurutnya lagi, sambil kita

menanti-nantikan Fiesta Bola Sepak Imagine, pentas ditetapkan untuk gabungan teknologi dan sukan yang menggembirakan, mencetuskan keterujaan dan menyatukan peminat di seluruh negara, dalam menyemarakkan imaginasi dan semangat.

Perkongsian itu tambahnya, juga menetapkan platform untuk Imagine bekerja dengan OMG dan rakan kongsi dalam ruang pemetaan 3D masa nyata, kepelbagaian multimedia dan pemasaran berasaskan pengalaman.

"Kami sangat teruja untuk bergabung tenaga dengan Imagine dalam usaha permulaan ini.

"Bersama-sama, kami berhasrat untuk mentakrifkan semula sempadan hiburan, menawarkan rakyat NBD dengan gabungan sukan dan media yang tidak dapat dilupakan.

"Fiesta Bola Sepak Imagine



IMAGINE Sdn. Bhd. (Imagine) menandatangani perjanjian perkongsian strategik dengan Oceanus Media Group (OMG) yang diwakili oleh AP Media Asia (Singapura) bagi menganjurkan Fiesta Bola Sepak Imagine di Negara Brunei Darussalam.

bersedia untuk menetapkan penanda aras baharu dalam pengalaman acara, dan OMG berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan ini," jelas Ketua Pegawai Eksekutif OMG, Nick, GC Tan.

Nick, GC Tan seterusnya berkata perkongsian berkenaan

menggariskan komitmen kami untuk menyokong pembangunan sukan akar umbi dan mencipta pengalaman yang tidak dapat dilupakan untuk komuniti kita.

"Nantikan lebih banyak maklumat terkini tentang perlawanan bola sepak yang menggembirakan berkenaan," ujarinya lagi

Piala Uber : Pearly ambil sudut positif jika tidak ke Chengdu

KUALA LUMPUR, 29 Mac. - Pemain beregu wanita nombor satu negara, Pearly Tan tidak berasa kecil hati sekiranya beliau dan pasangan M. Thinaah, tidak disenaraikan ke skuad Piala Uber 2024 di Chengdu, China, bermula 27 April-5 Mei ini.

Beliau sebaliknya memandang situasi tersebut dari sudut positif apabila boleh memberi tumpuan mempersiapkan diri ke Sukan Olimpik 2024 di Paris, dijadual berlangsung dari 26 Julai-11 Ogos ini.

"Ini keputusan jurulatih sama ada mahu (kami) pergi atau tidak, ada faedahnya untuk kedua-dua situasi ini. Sekiranya pergi kami dapat main dan ambil semangat kejohanan.

"Jika tidak pergi pula kami ada masa panjang untuk latihan (persiapan ke Sukan Olimpik 2024)," katanya kepada pemberita pada sesi latihan di sini, hari ini.

Selasa lepas, Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM) Remy Mainaky tidak menolak kemungkinan bahawa Pearly-Thinaah mungkin disisihkan daripada skuad Piala

Uber 2024 bagi membantu mereka fokus kepada persiapan Sukan Olimpik 2024.

Bagaimanapun, Remy berkata barisan kejurulatihan perlu mendapatkan pandangan pihak pengurusan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) sebelum mengumumkan barisan akhir.

Malaysia, yang tidak pernah menjuarai Piala Uber dan turun selaku pilihan ke-10, bakal mengharungi laluan berliku pada edisi kali ini apabila diletakkan dalam Kumpulan B bersama pilihan keempat Thailand, Taiwan (pilihan keenam) dan Australia.

Dalam pada itu, Pearly mengakui berdepan cabaran getir selepas mereka diundi menentang pilihan kelapan dari Jepun, Mayu Matsumoto-Wakana Nagahara pada pusingan pembukaan Kejohanan Badminton Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China, dari 9-14 April ini.

Justeru, pemain berusia 24 tahun itu berkata mereka akan berbincang bersama barisan kejurulatihan mengenai strategi yang tepat dalam usaha mengatasi pasangan dari negara matahari terbit itu.

Biarpun gandingan Matsumoto-

Nagahara berada di ranking kelapan, namun rekod perlawanan tetap memihak pasangan negara yang menghuni kedudukan ke-13 dunia apabila menang tiga daripada empat pertemuan sebelum ini.

Sementara itu, pemain beregu lelaki negara, Goh Sze Fei mengakui berasa tertekan apabila beliau dan pasangan Nur Izzuddin Rumsani, bakal membuka

kempen BAC 2024 menentang juara bertahan dunia dan pilihan kedua dari Korea Selatan, Kang Min Hyuk-Seo Seung Jae.

"Tekanan ada namun kena tangani dengan cara yang bagus...kami tak boleh fikir banyak, cuma perlu cuba yang terbaik dan kemudian bincang dengan jurulatih apa strategi yang perlu dipakai," katanya.

- ©BERNAMA

Tahukah Awda

PENUBUHAN secara rasmi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah dilancarkan pada hari Jumaat 08 Rejab 1413 Hijrah/01 Januari 1993 Masihi. Pada hari pelancaran tersebut, seramai 44 orang pelajar lelaki telah diterima memulakan pengajian di kampus sementara Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertempat di Blok C12 dan C13, Kompleks Perumahan Kampong Kiarong. Pada 01 Syaaban 1415 Hijrah/03 Januari 1995 Masihi, seramai 14 orang pelajar perempuan telah memulakan pengajian di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Blok C3, Perumahan Kerajaan Kompleks Perindustrian Beribi.

SUMBER : <https://itqshhb.edu.bn>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AL-QURAN PENYEMBUH BAGI PENYAKIT BATIN